



**AIA PUBLIC  
TAKAFUL**

# **AIA PUBLIC Takaful Bhd.** **Dana Berkaitan Pelaburan**

**Laporan Prestasi**  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir  
31 Disember 2025



# KANDUNGAN

---

Mesej Daripada CEO	01 - 02
Tinjauan Pasaran bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025	03 - 06
Jadual Perbandingan Prestasi	07 - 29
Butiran Pelaburan	30 - 37
Kenyataan Pihak Pengurus	38
Laporan Juruaudit Bebas	39 - 43
Penyata Aset dan Liabiliti	44 - 45
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	46 - 47
Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih milik Pemegang Sijil	48
Nota-nota kepada Maklumat Kewangan	49 - 52

CEO's Message	53 - 54
Market Review for the Financial Year Ended 31 December 2025	55 - 58
Comparative Performance Table	59 - 80
Details of Investments	81 - 88
Statement by Manager	89
Independent Auditors' Report	90 - 94
Statement of Assets and Liabilities	95 - 96
Statement of Income and Expenditure	97 - 98
Statement of Changes in Net Asset Value attributable to Certificate Holders	99
Notes to the Financial Information	100 - 103

# MESEJ DARIPADA CEO

Para pemegang sijil yang dihargai,

Terima kasih atas kepercayaan berterusan anda terhadap AIA PUBLIC Takaful Bhd. Kami amat menghargai kepercayaan yang telah diberikan kepada kami bagi memenuhi aspirasi anda sekeluarga bagi mencapai Hidup Lebih Sihat, Berpanjangan dan Bermakna.

## Ulasan Pasaran

Pada tahun 2025, pasaran sukuk Malaysia kekal berdaya tahan meskipun berhadapan dengan ketidaktentuan global dan turun naik pasaran yang berpunca daripada ketidakpastian dasar akibat peningkatan tarif serta ketegangan geopolitik yang meruncing. Rizab Persekutuan AS ("Fed") mengekalkan kadar dana persekutuan pada separuh pertama tahun tersebut dan sebahagian besarnya mengambil pendekatan "tunggu dan lihat" disebabkan oleh dilema dasar yang kompleks antara tekanan inflasi yang meningkat dan momentum pertumbuhan ekonomi yang semakin perlahan. Walau bagaimanapun, pada suku ketiga (Q3) 2025, kemerosotan dalam keadaan pasaran buruh AS, yang terbukti ekoran kadar pengangguran yang meningkat, telah mengalihkanimbangan risiko ke arah mandat sektor pekerjaan mereka. Ini mendorong Fed untuk mengurangkan kadar dasar sebanyak 25 mata asas ("bps") dalam mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan ("FOMC") pada bulan September, Oktober, dan Disember. Di peringkat domestik, terdapat peningkatan jangkaan untuk Bank Negara Malaysia ("BNM") mengurangkan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") bagi mengimbangi potensi risiko terhadap pertumbuhan memandangkan kadar inflasi kekal rendah. Pada Mei 2025, BNM pada mulanya mengurangkan Nisbah Keperluan Rizab Berkanun ("SRR") sebanyak 100 bps untuk menyuntik kecairan ke dalam sistem perbankan dan menyokong kestabilan kewangan, disusuli dengan pengurangan OPR sebanyak 25 bps pada Julai 2025. Kedua-dua langkah ini telah melonjakkan pasaran sukuk kerajaan Malaysia, yang mengakibatkan anjakan menurun pada keluk pulangan Terbitan Pelaburan Kerajaan ("GII"). Sementara itu, pertumbuhan ekonomi Malaysia kekal teguh dengan KDNK 2025 berkembang sebanyak 5.2%, disokong oleh permintaan domestik yang mampan dan aktiviti pelaburan yang rancak. Inflasi domestik kekal terkawal meskipun terdapat inisiatif rasionalisasi subsidi yang dilaksanakan oleh kerajaan. Kelemahan dolar AS ("USD") secara meluas, ditambah dengan aliran masuk modal asing yang kukuh ke dalam pasaran sukuk tempatan, turut membawa kepada pengukuhan nilai Ringgit Malaysia ("MYR").

Setakat 31 Disember 2025, Pulangan Keseluruhan Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah ("Pulangan Keseluruhan Indeks FBMS") mencatatkan kerugian sebanyak -1.0% akibat keadaan makro global yang tidak menentu dan unjuran pendapatan yang was-was. Walau bagaimanapun, pemangkin asas kekal utuh dengan aliran pelaburan langsung asing yang teguh serta inisiatif pertumbuhan seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara dan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura, yang menjadi tunjang pelaburan ke dalam sektor-sektor yang mendapat manfaat daripada bidang tersebut. Pemerolehan kontrak pembinaan kekal kukuh hasil daripada pengembangan sektor perindustrian dan pusat data. Sebagai perbandingan, Pulangan Keseluruhan Indeks FBMS ketinggalan berbanding Pulangan Keseluruhan Indeks MSCI World (berasaskan MYR) dan Pulangan Keseluruhan Indeks MSCI Asia (kecuali Jepun) (berasaskan MYR), yang masing-masing meningkat sebanyak 10.4% dan 20.7%. Korea Selatan dan Taiwan mencatatkan lonjakan yang kuat didorong oleh pelaburan berasaskan Kecerdasan Buatan ("AI"), manakala China mempamerkan pemulihan yang teguh susulan sokongan dasar yang diperbaharui, kecairan yang bertambah baik, serta momentum yang semakin lancar dalam sektor teknologi dan AI.

# MESEJ DARIPADA CEO (SAMBUNGAN)

## Tinjauan Pasaran

Melangkah ke hadapan, kami menjangkakan pasaran ekuiti global akan berkembang secara stabil, disokong oleh dasar asas ekonomi yang kukuh dan kitaran pelonggaran monetari global yang berterusan. Walaupun konflik Iran dan peristiwa geopolitik lain mungkin mencetuskan ketidaktentuan yang singkat, episod sedemikian dari segi sejarah bersifat sementara, terutamanya apabila keadaan ekonomi asas kekal berdaya tahan.

Langkah-langkah dasar proaktif Malaysia dan asas domestik yang berdaya tahan menyediakan latar belakang yang konstruktif bagi pasaran bon/sukuk tempatan menuju ke tahun 2026, walaupun wujudnya risiko dan ketidaktentuan luaran. Rizab Persekutuan AS ("Fed") dijangka akan meneruskan kitaran pemotongan kadar pada tahun 2026, yang seharusnya menyokong nilai MYR dan aliran masuk pelaburan asing. Di peringkat domestik, BNM berkemungkinan besar akan mengekalkan OPR buat masa ini sementara menunggu lebih banyak data ekonomi untuk menentukan langkah dasar seterusnya. Ramalan rasmi pertumbuhan KDNK 2026 kini berada pada tahap 4.0% - 4.5%, manakala inflasi diunjurkan dalam julat 1.3% - 2.0%. Walau bagaimanapun, BNM mempunyai ruang untuk pelonggaran lanjut pada 2026 sekiranya terdapat tanda-tanda risiko penurunan terhadap pertumbuhan. Di Amerika Syarikat, terbitan data ekonomi akan terus mempengaruhi keputusan Fed dan trajektori kadar dasar pada masa hadapan. Secara keseluruhan, kami mengekalkan pandangan yang sederhana konstruktif terhadap pasaran sukuk domestik bagi tahun 2026.

Prospek pelaburan kami bagi tahun 2026 kekal positif secara amnya untuk pasaran ekuiti, meskipun terdapat sedikit turun naik akibat ketegangan geopolitik. Ketegangan perdagangan yang semakin reda serta relevansi berterusan kecerdasan buatan (AI), walaupun dengan kenaikan yang lebih sederhana berbanding dua tahun lalu, bakal menyumbang kepada persekitaran pelaburan yang progresif. Metrik penilaian terus memihak kepada Asia, di mana pengeluar dasar masih mempunyai ruang untuk mengurangkan kadar faedah serta menyediakan sokongan fiskal tambahan, manakala keuntungan korporat juga semakin bertambah baik, sekali gus mewujudkan landskap yang kondusif bagi ekuiti Asia. Di peringkat domestik, kami kekal positif terhadap ekuiti, didorong oleh pengukuhan kitaran pelaburan dengan kadar pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan serta kadar pelaksanaan mencapai tahap tertinggi dalam tempoh beberapa tahun. Ini disokong pula oleh persekitaran politik yang stabil, yang membantu memastikan kesinambungan dasar. Perkembangan ini memperkukuh pandangan positif kami terhadap ekonomi Malaysia, yang akan memanfaatkan beberapa sektor utama. Momentum yang berterusan dalam inisiatif pertumbuhan serta penilaian pasaran yang berada di bawah paras purata (below-mean) memberikan asas yang stabil bagi sektor ekuiti Malaysia.

Yakinlah bahawa kami di AIA PUBLIC Takaful Bhd. akan terus mengemudi persekitaran pelaburan secara was-was dan berusaha untuk mencapai pulangan yang terbaik bagi pemegang sijil kami. Sebagai pengendali takaful pilihan anda, kami kekal komited untuk memberikan nilai kepada anda melalui keputusan pelaburan berhemat yang disokong oleh strategi-strategi asas yang kukuh dan dikaji secara mendalam.

Yang Ikhlas,

### **Mohd Asri Omar**

Ketua Pegawai Eksekutif,  
AIA PUBLIC Takaful Bhd.

# TINJAUAN PASARAN

## ULASAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

### 1. Ulasan Pasaran Saham Tempatan

#### Ulasan Pasaran

Setakat 31 Disember 2025, Pulangan Keseluruhan Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah ("Pulangan Keseluruhan Indeks FBMS") mencatatkan kerugian sebanyak -1.0%. Penurunan sederhana ini berpunca daripada keadaan makro global yang tidak menentu, manakala unjuran pendapatan yang was-was membendung kenaikan selanjutnya. Walau bagaimanapun, pemangkin asas kekal utuh dengan aliran masuk pelaburan langsung asing yang teguh, serta inisiatif pertumbuhan seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara ("NETR") dan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura ("JS-SEZ") yang menjadi tunjang pelaburan ke dalam sektor-sektor yang mendapat manfaat daripada bidang tersebut. Pemerolehan kontrak pembinaan di Malaysia kekal kukuh hasil daripada pengembangan sektor perindustrian dan pusat data. Sebagai perbandingan, Pulangan Keseluruhan Indeks FBMS ketinggalan berbanding Pulangan Keseluruhan Indeks MSCI World (berasaskan MYR) dan Pulangan Keseluruhan Indeks MSCI Asia (kecuali Jepun) (berasaskan MYR) yang masing-masing meningkat sebanyak +10.4% dan +20.7%. Korea Selatan dan Taiwan mencatatkan lonjakan yang kuat didorong oleh limpahan pelaburan berasaskan Kecerdasan Buatan ("AI"), manakala China mempamerkan pemulihan yang teguh susulan sokongan dasar yang diperbaharui, kecairan yang bertambah baik, serta momentum yang semakin lancar dalam sektor teknologi dan AI.

Pertumbuhan ekonomi Malaysia kekal teguh dengan KDNK 2025 berkembang sebanyak 5.2%, disokong oleh permintaan domestik yang mampan dan aktiviti pelaburan yang rancak. Inflasi domestik kekal terkawal meskipun terdapat inisiatif rasionalisasi subsidi yang dilaksanakan oleh kerajaan. Kelemahan dolar AS ("USD") secara meluas, ditambah dengan aliran masuk modal asing yang kukuh ke dalam pasaran sukuk tempatan, turut membawa kepada pengukuhan nilai Ringgit Malaysia ("MYR").

#### Tinjauan Pasaran

Bagi tahun 2025, kami optimistik namun berwaspada terhadap ekuiti kerana kemaruapan pasaran mungkin dipertingkatkan oleh ketidaktentuan jangka pendek disebabkan oleh dasar tarif Presiden AS Trump yang dijangka mencetuskan tekanan inflasi dan menjejaskan pertumbuhan global. Kami menjangkakan perbezaan prestasi antara pasaran maju dan pasaran membangun, termasuk mata wang sambil mengekalkan prospek positif untuk pasaran AS disebabkan oleh dasar pertumbuhan pro-domestiknya. Di Asia, ketegangan geopolitik dan dolar yang kukuh mungkin mempengaruhi sentimen pasaran Asia. China memberi tumpuan kepada rangsangan fiskal bagi menyokong pertumbuhan domestik dan menstabilkan pasaran hartanah, walaupun cabaran struktur kekal. Di Malaysia, walaupun keyakinan kami terhadap ekuiti telah menyederhana, kami kekal positif disebabkan oleh pendapatan korporat yang kukuh, inisiatif kerajaan dan peningkatan pelaburan langsung asing. Kejayaan pelaksanaan inisiatif utama, seperti Pelan Hala Tuju Transformasi Tenaga Nasional ("NETR"), Malaysia My Second Home ("MM2H"), dan projek infrastruktur adalah kritikal. Kami berpendapat bahawa pelaburan dalam pusat-pusat data di Malaysia akan perlahan namun tidak mengurang walaupun pelaksanaan Dasar Penyebaran Kecerdasan Buatan AS dan gangguan kos yang disebabkan oleh DeepSeek dari China.

# TINJAUAN PASARAN (SAMBUNGAN)

## ULASAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025 (SAMBUNGAN)

### 1. Ulasan Pasaran Saham Tempatan (sambungan)

#### Peluang

- Momentum infrastruktur utama: LRT Pulau Pinang, pusat data, loji semikonduktor, dan projek perindustrian di seluruh negara yang berkaitan dengan NETR, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 ("NIMP 2030"), JS-SEZ dan Rancangan Malaysia Ke-13 ("RMKe-13").
- Relokasi rantaian bekalan teknologi global ke ASEAN (termasuk Malaysia) yang didorong oleh peningkatan ketegangan geopolitik.
- Kemajuan berterusan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura ("JS-SEZ"), termasuk insentif cukai yang menarik dan kerjasama dua hala.
- Pelaburan berpandukan NETR ke dalam sektor tenaga boleh diperbaharui, penyahkarbonan industri, dan naik taraf grid nasional.
- Tahun melawat Malaysia 2026 yang akan membawakan kemasukan pelancong secara berperingkat, sekali gus meningkatkan sektor pengguna, hospitaliti, pertaruhan (gaming), peruncitan, dan pelancongan perubatan.

#### Ancaman

- Dasar tarif yang dipacu oleh Trump berpotensi memperlahankan pertumbuhan global dan memberi kesan negatif kepada sektor berorientasikan eksport di Malaysia.
- Jangkaan inflasi AS yang lebih tinggi yang mungkin melambatkan pengurangan kadar oleh Rizab Persekutuan AS ("Fed"), atau memaksa kenaikan kadar, sekali gus memperketatkan kecairan global dan menjejaskan aliran masuk ke Pasaran Pesat Membangun ("EM").
- Dasar Penyebaran Kecerdasan Buatan AS dan gangguan daripada DeepSeek yang berpotensi memperlahankan pengembangan pusat data global, yang akan memberi kesan kepada ekosistem pusat data ("DC") dan semikonduktor Malaysia.
- Risiko pelaksanaan dalam inisiatif rasionalisasi subsidi Malaysia, perluasan Cukai Jualan dan Perkhidmatan ("SST"), pelarasan gaji minimum, serta inisiatif pembaharuan ekonomi meluas.
- Kelembapan semula di China akibat tekanan pasaran hartanah dan saham yang tidak terselesaikan, yang akan menjejaskan sektor eksport, komoditi, dan pelancongan.

# TINJAUAN PASARAN (SAMBUNGAN)

## ULASAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025 (SAMBUNGAN)

### 2. Ulasan Pasaran Sukuk Tempatan

#### Ulasan Pasaran

Pada tahun 2025, pasaran sukuk Malaysia kekal berdaya tahan meskipun berhadapan dengan ketidaktentuan global dan turun naik pasaran yang berpunca daripada ketidakpastian dasar akibat peningkatan tarif serta ketegangan geopolitik yang meruncing. Rizab Persekutuan AS ("Fed") mengekalkan kadar dana persekutuan pada separuh pertama tahun tersebut dan sebahagian besarnya mengambil pendekatan "tunggu dan lihat" disebabkan oleh dilema dasar yang kompleks antara tekanan inflasi yang meningkat dan momentum pertumbuhan ekonomi yang semakin perlahan. Walau bagaimanapun, pada suku ketiga (Q3) 2025, kemerosotan dalam keadaan pasaran buruh AS, yang terbukti ekoran kadar pengangguran yang meningkat, telah mengalihkanimbangan risiko ke arah mandat sektor pekerjaan mereka. Ini mendorong Fed untuk mengurangkan kadar dasar sebanyak 25 mata asas ("bps") dalam mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan ("FOMC") pada bulan September, Oktober, dan Disember. Di peringkat domestik, terdapat peningkatan jangkaan untuk Bank Negara Malaysia ("BNM") mengurangkan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") bagi mengimbangi potensi risiko terhadap pertumbuhan memandangkan kadar inflasi kekal rendah. Pada Mei 2025, BNM pada mulanya mengurangkan Nisbah Keperluan Rizab Berkanun ("SRR") sebanyak 100 bps untuk menyuntik kecairan ke dalam sistem perbankan dan menyokong kestabilan kewangan, disusuli dengan pengurangan OPR sebanyak 25 bps pada Julai 2025. Kedua-dua langkah ini telah melonjakkan pasaran sukuk kerajaan Malaysia, yang mengakibatkan anjakan menurun pada keluk pulangan Terbitan Pelaburan Kerajaan ("GII").

Pertumbuhan ekonomi Malaysia kekal teguh dengan KDNK 2025 berkembang sebanyak 5.2%, disokong oleh permintaan domestik yang mampan dan aktiviti pelaburan yang rancak. Inflasi domestik kekal terkawal meskipun terdapat inisiatif rasionalisasi subsidi yang dilaksanakan oleh kerajaan. Kelemahan dolar AS ("USD") secara meluas, ditambah dengan aliran masuk modal asing yang kukuh ke dalam pasaran sukuk tempatan, turut membawa kepada pengukuhan nilai Ringgit Malaysia ("MYR"). Gandingan mata wang USD-MYR mencecah paras terendah 4.1280 pada pertengahan November 2025 dan mencatatkan pengukuhan sebanyak 10% pada tahun 2025. Pegangan asing dalam sekuriti Kerajaan Malaysia, merangkumi Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") dan GII, berada pada tahap 21.6% pada Disember 2025 (berbanding 21.3% pada Disember 2024).

# TINJAUAN PASARAN (SAMBUNGAN)

## ULASAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025 (SAMBUNGAN)

### 2. Ulasan Pasaran Sukuk Tempatan (sambungan)

#### Tinjauan Pasaran

Walaupun wujudnya risiko luaran, langkah-langkah dasar proaktif Malaysia dan asas domestik yang berdaya tahan menyediakan latar belakang yang konstruktif bagi pasaran sukuk tempatan menuju ke tahun 2026. Rizab Persekutuan AS ("Fed") dijangka akan meneruskan kitaran pemotongan kadar pada tahun 2026, yang seharusnya menyokong nilai MYR dan aliran masuk pelaburan asing. Di peringkat domestik, BNM berkemungkinan besar akan mengekalkan OPR buat masa ini sementara menunggu lebih banyak data ekonomi untuk menentukan langkah dasar seterusnya. Ramalan rasmi pertumbuhan KDNK 2026 kini berada pada tahap 4.0% - 4.5%, manakala inflasi diunjurkan dalam julat 1.3% - 2.0%. Walau bagaimanapun, BNM mempunyai ruang untuk pelonggaran lanjut pada 2026 sekiranya terdapat tanda-tanda risiko penurunan terhadap pertumbuhan. Di Amerika Syarikat, terbitan data ekonomi akan terus mempengaruhi keputusan Fed dan trajektori kadar dasar pada masa hadapan. Secara keseluruhan, kami mengekalkan pandangan yang sederhana konstruktif terhadap pasaran sukuk domestik bagi tahun 2026.

#### Peluang

- Pemulihan pertumbuhan China berikutan sokongan dasar, pemacuan perdagangan global dan kemasukan pelancong ke Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 2026, yang seterusnya memberi impak positif kepada MYR.
- Potensi aliran masuk dana daripada pelabur asing ke dalam pasaran sukuk domestik ekoran pengurangan kadar faedah Fed dan jangkaan bahawa kekuatan USD telah mencapai kemuncaknya.
- Permintaan pasaran dalam negara yang lebih sihat terhadap sekuriti kerajaan domestik memandangkan kecairan domestik kekal tinggi.

#### Ancaman


- Ketegangan geopolitik yang berpanjangan yang mencetuskan peningkatan harga komoditi, yang boleh memperbaharui kebimbangan terhadap inflasi.
- Kejutan negatif dalam pemulihan pertumbuhan China.
- Ketahanan ekonomi AS yang luar jangka serta potensi peningkatan semula tekanan inflasi di AS yang mengakibatkan pengurangan kadar faedah Fed yang kurang daripada jangkaan atau lebih banyak kenaikan kadar faedah Fed, serta kekuatan USD yang berlanjutan.

# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI

## 01. A-DANA INCOME

Bagi tahun kewangan 2025, pada asas bersih, Dana mengembalikan 5.46% berbanding pulangan penanda aras sebanyak 2.47%. Prestasi baik Dana adalah disebabkan oleh strategi tempoh wajaran tinggi dan pegangannya dalam sukuk jangka panjang kerajaan dan sukuk dijamin kerajaan berprestasi baik sepanjang tahun apabila keluk hasil sukuk kerajaan meningkat secara mendadak. Bagi tempoh 5 tahun yang ditinjau, Dana telah memberikan pulangan sebanyak 19.38% berbanding pulangan penanda aras sebanyak 13.33%. Prestasi positif Dana berpunca daripada pulangan pendapatan keuntungan tinggi dan pemampatan penyebaran kredit. Sejak penubuhannya pada Mac 2011, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak 99.05% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak 56.62%.

### Prestasi Sejarah



### Prestasi pada 31 Disember 2025

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Penubuhan
	Nov 25 – Dis 25	Dis 24 – Dis 25	Dis 22 – Dis 25	Dis 20 – Dis 25	Mac 11 – Dis 25
A-Dana Income	0.36%	5.46%	18.40%	19.38%	99.05%
Indeks*	0.19%	2.47%	8.55%	13.33%	56.62%
Lebih prestasi	0.17%	2.99%	9.85%	6.04%	42.42%

\* Kadar Tahap 1 Akaun Pelaburan Umum (Islam) 12 bulan Maybank (Sumber: Laman web Maybank)

**Notis:** Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

## 01. A-DANA INCOME (SAMBUNGAN)

### Apakah strategi masa depan?


Di peringkat domestik, pertumbuhan yang teguh dan kadar inflasi yang terkawal, di samping langkah-langkah dasar yang proaktif, menyediakan latar belakang yang konstruktif bagi pasaran sukuk tempatan pada tahun 2026. Berdasarkan dasar-dasar asas domestik yang berdaya tahan dan tekanan inflasi yang terkendali, BNM dijangka akan mengekalkan OPR pada tahap sedia ada. Dari sudut permintaan, permintaan yang kukuh daripada pelabur dalam negara akan terus menjadi tunjang kepada hasil sukuk tempatan, ditambah oleh pelaburan asing yang inginkan kestabilan yang ditawarkan oleh sukuk tempatan. Dinamik penawaran juga memihak dan menyokong sukuk tempatan, di mana terbitan bersih GII dijangka lebih rendah pada tahun 2026 berbanding tahun 2025. Walaupun kami berpendapat peluang untuk pengurangan OPR adalah tipis pada ketika ini, keluk penghujung pendek sepatutnya membawakan manfaat di kala kitaran pelonggaran monetari global seperti di AS berterusan dan pengukuhan MYR menarik masuk aliran portfolio asing. Bahagian hujung panjang (long-end) keluk pula akan kekal stabil didorong oleh daya tarikannya kepada pelabur yang mencari hasil.

Kami akan terus berusaha berdasarkan momentum bagi sukuk kerajaan, dengan mencari peluang dagangan jangka pendek ke pertengahan. Peruntukan aset kami akan terus mengutamakan sukuk korporat berbanding sukuk kerajaan untuk meningkatkan hasil pulangan.

### Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Tidak. Kami akan terus memberi tumpuan terhadap memaksimumkan jumlah pulangan daripada pertumbuhan pendapatan dan modal dengan melabur dalam sukuk gred pelaburan dan instrumen pasaran wang Islam di Malaysia, sambil meminimumkan risiko pelaburan semula.

### Pendedahan Aset A-Dana Income pada 31 Disember 2025



# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

## 01. A-DANA INCOME (SAMBUNGAN)

### Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2025	31 Dis 2024	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021
Pertanian, Perhutanan & Perikanan	4%	-	-	-	-
Tunai dan Setara Tunai	1%	1%	6%	16%	10%
Pembinaan	13%	12%	13%	13%	13%
Elektrik, Gas & Air	30%	20%	15%	17%	11%
Kewangan, Insurans, Hartanah & Perkhidmatan Perniagaan	22%	27%	22%	18%	28%
Kerajaan & Lain-lain Perkhidmatan	19%	24%	27%	1%	10%
Pembuatan	6%	10%	10%	16%	6%
Perlombongan	-	-	-	5%	6%
Pengangkutan, Pergudangan & Komunikasi	4%	4%	4%	11%	12%
Borong, Dagangan Runcit, Hotel dan Restoran	2%	2%	3%	3%	4%
<b>JUMLAH</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>

# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

## 01. A-DANA INCOME (SAMBUNGAN)

### Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset (“NAV”)

	31 Dis 2025	31 Dis 2024	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021
Jumlah NAV (RM)	273,100,090	245,455,615	209,210,473	174,798,490	150,996,245
Bilangan Unit	274,408,359	260,105,414	231,485,882	207,946,243	183,214,166
NAV/Unit (RM)	0.995	0.944	0.904	0.841	0.824
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.995	0.944	0.904	0.841	0.836
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.944	0.902	0.842	0.801	0.803
<b>Cukai (%)</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>

Jumlah pulangan tahunan dana berdasarkan pertumbuhan modal	5.46%	4.42%	7.52%	1.99%	-1.14%
Purata pulangan tahunan					
1-Tahun	5.46%	4.42%	7.52%	1.99%	-1.14%
3-Tahun	5.79%	4.62%	2.73%	2.51%	4.95%
5-Tahun	3.61%	3.87%	4.86%	4.55%	5.09%


Prestasi pulangan tahunan Indeks Penanda Aras					
1-Tahun	2.47%	2.81%	3.03%	2.40%	1.97%
3-Tahun	2.77%	2.74%	2.47%	2.26%	2.62%
5-Tahun	2.54%	2.52%	2.66%	2.78%	2.98%

# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

## 02. A-DANA EQUITY

Bagi tahun kewangan 2025, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan sebanyak -2.17% berbanding penanda aras yang telah memberikan pulangan sebanyak -3.93%. Prestasi baik ini disebabkan oleh wajaran tinggi Dana di dalam sektor Pembinaan, Perindustrian dan Teknologi dan wajaran rendah di dalam sektor Telekomunikasi. Sepanjang tempoh 5 tahun, Dana telah memberikan pulangan 11.15% berbanding pulangan penanda aras sebanyak -7.64%. Prestasi baik ini disebabkan oleh wajaran tinggi Dana di dalam sektor Pembinaan, Teknologi dan Penjagaan Kesihatan dan wajaran rendah dalam sektor Telekomunikasi dan Utiliti. Sejak penubuhannya pada Mac 2011, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak 88.84% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak 22.42%.

### Prestasi Sejarah



### Prestasi pada 31 Disember 2025

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Penubuhan
	Nov 25 – Dis 25	Dis 24 – Dis 25	Dis 22 – Dis 25	Dis 20 – Dis 25	Mac 11 – Dis 25
A-Dana Equity	1.88%	-2.17%	20.40%	11.15%	88.84%
Indeks*	2.07%	-3.93%	10.58%	-7.64%	22.42%
(Bawah)/Lebih prestasi	-0.19%	1.76%	9.82%	18.79%	66.42%

\* 100% FBM Emas Syariah (Sumber: Laman web Bursa Malaysia)

**Notis:** Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

## 02. A-DANA EQUITY (SAMBUNGAN)


### Apakah strategi masa depan?

Prospek pelaburan kami bagi tahun 2026 kekal positif secara amnya untuk ekuiti, meskipun terdapat sedikit ketidaktentuan akibat ketegangan geopolitik. Ketegangan perdagangan yang semakin reda serta relevansi berterusan kecerdasan buatan (AI), walaupun dengan potensi kenaikan yang lebih sederhana berbanding dua tahun lalu, akan menyumbang kepada persekitaran pelaburan yang progresif. Metrik penilaian terus memihak kepada Asia, di mana pengeluar dasar masih mempunyai ruang untuk mengurangkan kadar faedah serta menyediakan sokongan fiskal tambahan, manakala keuntungan korporat juga semakin bertambah baik, sekali gus mewujudkan landskap yang kondusif bagi ekuiti Asia. Di peringkat domestik, kami kekal positif terhadap ekuiti, didorong oleh pengukuhan kitaran pelaburan dengan kadar pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan serta kadar pelaksanaan mencapai tahap tertinggi dalam tempoh beberapa tahun. Ini disokong pula oleh persekitaran politik yang stabil yang membantu memastikan kesinambungan dasar. Perkembangan ini memperkukuhkan pandangan positif kami terhadap ekonomi Malaysia yang akan memanfaatkan beberapa sektor utama. Momentum yang berterusan dalam inisiatif pertumbuhan serta penilaian pasaran yang berada di bawah paras purata (below-mean) memberikan asas yang stabil bagi sektor ekuiti Malaysia.

### Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Tidak. Kami akan melanjutkan pencarian pertumbuhan modal dan pendapatan jangka panjang melalui portfolio ekuiti patuh Syariah yang pelbagai.

### Pendedahan Aset A-Dana Equity Asset pada 31 Disember 2025



# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

## 02. A-DANA EQUITY (SAMBUNGAN)

### Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2025	31 Dis 2024	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021
Tunai dan Setara Tunai	5%	5%	5%	13%	14%
Pembinaan	9%	10%	5%	4%	3%
Produk Pengguna	2%	6%	10%	12%	8%
Tenaga	7%	7%	3%	2%	2%
Kewangan	-	2%	2%	3%	3%
Penjagaan Kesihatan	12%	10%	8%	6%	10%
Produk Perindustrian	17%	16%	13%	12%	13%
Perladangan	10%	8%	11%	11%	7%
Hartanah	6%	7%	5%	1%	1%
Amanah Pelaburan Hartanah	-	0%	1%	1%	1%
Teknologi	11%	8%	10%	11%	16%
Telekomunikasi & Media	8%	8%	11%	13%	13%
Pengangkutan & Logistik	1%	2%	4%	5%	4%
Utiliti	12%	11%	12%	6%	5%
<b>JUMLAH</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>

# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

## 02. A-DANA EQUITY (SAMBUNGAN)

### Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset (“NAV”)

	31 Dis 2025	31 Dis 2024	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021
Jumlah NAV (RM)	1,009,757,210	980,393,820	772,224,776	683,108,426	619,469,278
Bilangan Unit	1,069,404,003	1,015,802,485	970,719,465	871,048,331	735,332,735
NAV/Unit (RM)	0.944	0.965	0.796	0.784	0.842
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.970	0.978	0.799	0.835	0.889
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.785	0.795	0.753	0.721	0.805
<b>Cukai (%)</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>

Jumlah pulangan tahunan dana berdasarkan pertumbuhan modal	-2.17%	21.32%	1.44%	-6.91%	-0.83%
Purata pulangan tahunan					
1-Tahun	-2.17%	21.32%	1.44%	-6.91%	-0.83%
3-Tahun	6.38%	4.64%	-2.17%	4.56%	9.71%
5-Tahun	2.14%	7.06%	4.51%	0.45%	3.86%


Prestasi pulangan tahunan Indeks Penanda Aras					
1-Tahun	-3.93%	14.58%	0.46%	-10.80%	-6.37%
3-Tahun	3.41%	0.88%	-5.69%	-2.83%	2.21%
5-Tahun	-1.58%	1.09%	-0.88%	-3.62%	0.57%

# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

## 03. A-DALI EQUITY

Bagi tahun kewangan 2025, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan positif sebanyak -2.31% berbanding penanda aras sebanyak -3.93%. Prestasi baik ini disebabkan oleh wajaran tinggi Dana di dalam sektor Pembinaan, Perindustrian dan Teknologi dan wajaran rendah dalam sektor Telekomunikasi. Sepanjang tempoh 5 tahun, Dana telah memberikan pulangan 5.34% berbanding pulangan penanda aras sebanyak -8.08%. Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh wajaran tinggi Dana dalam sektor Pembinaan, Teknologi dan Penjagaan Kesihatan dan wajaran rendah dalam sektor Telekomunikasi dan Utiliti. Sejak penubuhannya pada Februari 2013, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak 11.63% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak 10.46%.

### Prestasi Sejarah



### Prestasi pada 31 Disember 2025

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Penubuhan
	Nov 25 – Dis 25	Dis 24 – Dis 25	Dis 22 – Dis 25	Dis 20 – Dis 25	Feb 13 – Dis 25
A-DALI Equity	1.87%	-2.31%	16.60%	5.34%	11.63%
Indeks*	2.07%	-3.93%	10.58%	-8.08%	10.46%
Lebih/(Bawah) prestasi	-0.21%	1.61%	6.02%	13.42%	1.16%

\* FBM Emas Syariah (Sumber: Bloomberg)

**Notis:** Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

## 03. A-DALI EQUITY (SAMBUNGAN)


### Apakah strategi masa depan?

Prospek pelaburan kami bagi tahun 2026 kekal positif secara amnya untuk ekuiti, meskipun terdapat sedikit ketidaktentuan akibat ketegangan geopolitik. Ketegangan perdagangan yang semakin reda serta relevansi berterusan kecerdasan buatan (AI), walaupun dengan potensi kenaikan yang lebih sederhana berbanding dua tahun lalu, akan menyumbang kepada persekitaran pelaburan yang progresif. Metrik penilaian terus memihak kepada Asia, di mana pengeluar dasar masih mempunyai ruang untuk mengurangkan kadar faedah serta menyediakan sokongan fiskal tambahan, manakala keuntungan korporat juga semakin bertambah baik, sekali gus mewujudkan landskap yang kondusif bagi ekuiti Asia. Di peringkat domestik, kami kekal positif terhadap ekuiti, didorong oleh pengukuhan kitaran pelaburan dengan kadar pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan serta kadar pelaksanaan mencapai tahap tertinggi dalam tempoh beberapa tahun. Ini disokong pula oleh persekitaran politik yang stabil yang membantu memastikan kesinambungan dasar. Perkembangan ini memperkukuhkan pandangan positif kami terhadap ekonomi Malaysia yang akan memanfaatkan beberapa sektor utama. Momentum yang berterusan dalam inisiatif pertumbuhan serta penilaian pasaran yang berada di bawah paras purata (below-mean) memberikan asas yang stabil bagi sektor ekuiti Malaysia.

### Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Tidak. Kami akan melanjutkan pencarian pertumbuhan modal dan pendapatan jangka panjang melalui portfolio ekuiti patuh Syariah yang pelbagai.

### Pendedahan Aset A-DALI Equity pada 31 Disember 2025



# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

## 3. A-DALI EQUITY (SAMBUNGAN)

### Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2025	31 Dis 2024	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021
Tunai dan Setara Tunai	0%	1%	5%	2%	7%
Dana Mutual	100%	99%	95%	98%	93%
<b>JUMLAH</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>

### Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")

	31 Dis 2025	31 Dis 2024	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021
Jumlah NAV (RM)	13,430,752	13,868,344	12,475,471	11,971,977	12,154,880
Bilangan Unit	24,063,450	24,272,854	26,267,477	25,011,193	24,322,836
NAV/Unit (RM)	0.558	0.571	0.475	0.479	0.500
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.574	0.579	0.486	0.506	0.541
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.466	0.474	0.451	0.443	0.478
<b>Cukai (%)</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>

Jumlah pulangan tahunan dana berdasarkan pertumbuhan modal	-2.31%	20.30%	-0.78%	-4.22%	-5.68%
Purata pulangan tahunan					
1-Tahun	-2.31%	20.30%	-0.78%	-4.22%	-5.68%
3-Tahun	5.25%	4.56%	-3.58%	-3.53%	-0.81%
5-Tahun	1.05%	1.40%	-1.49%	-4.23%	-1.72%


Prestasi pulangan tahunan Indeks Penanda Aras					
1-Tahun	-3.93%	14.58%	0.46%	-10.80%	-6.81%
3-Tahun	3.41%	0.88%	-5.84%	-2.90%	2.15%
5-Tahun	-1.67%	1.05%	-0.91%	-3.84%	0.41%

# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

## 04. A-DANA BALANCED

Bagi tahun kewangan 2025, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan sebanyak 2.15%, berbanding penanda aras yang memberikan pulangan sebanyak -0.95%. Prestasi baik ini disebabkan oleh wajaran tinggi Dana dalam sektor Pembinaan, Perindustrian dan Teknologi dan wajaran rendah dalam Produk Pengguna. Prestasi baik Dana juga disebabkan oleh pegangannya di dalam sukuk jangka panjang kerajaan dan sukuk dijamin kerajaan. Sepanjang tempoh 5 tahun, Dana telah memberikan pulangan 22.34% berbanding penanda aras sebanyak -0.75%. Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh wajaran tinggi Dana di dalam sektor Pembinaan, Teknologi dan Penjagaan Kesihatan dan wajaran rendah dalam sektor Telekomunikasi dan Utiliti. Prestasi positif Dana di dalam sukuk berpunca daripada pulangan pendapatan keuntungan tinggi dan pemampatan penyebaran kredit dalam tempoh terpilih. Sejak penubuhannya, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak 88.94% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak 37.24%.

### Prestasi Sejarah



### Prestasi pada 31 Disember 2025

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Penubuhan
	Nov 25 – Dis 25	Dis 24 – Dis 25	Dis 22 – Dis 25	Dis 20 – Dis 25	Ogos 11 – Dis 25
A-Dana Balanced	1.74%	2.15%	27.80%	22.34%	88.94%
Indeks*	1.57%	-0.95%	12.88%	-0.75%	37.24%
Lebih prestasi	0.17%	3.10%	14.93%	23.08%	51.70%

\* 70% FBM Emas Syariah (Sumber: Laman web Bursa Malaysia) + 30% Indeks GII ALL (Sumber: RAM QuantShop@www.quantshop.com)

**Notis:** Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

## 04. A-DANA BALANCED (SAMBUNGAN)

### Apakah strategi masa depan?

Di peringkat domestik, pertumbuhan yang teguh dan kadar inflasi yang terkawal, di samping langkah-langkah dasar yang proaktif, menyediakan latar belakang yang konstruktif bagi pasaran sukuk tempatan pada tahun 2026. Berdasarkan dasar-dasar asas domestik yang berdaya tahan dan tekanan inflasi yang terkendali, BNM dijangka akan mengekalkan OPR pada tahap sedia ada. Dari sudut permintaan, permintaan yang kukuh daripada pelabur dalam negara akan terus menjadi tunjang kepada hasil sukuk tempatan, ditambah oleh pelaburan asing yang inginkan kestabilan yang ditawarkan oleh sukuk tempatan. Dinamik penawaran juga memihak dan menyokong sukuk tempatan, di mana terbitan bersih GII dijangka lebih rendah pada tahun 2026 berbanding tahun 2025. Walaupun kami berpendapat peluang untuk pengurangan OPR adalah tipis pada ketika ini, keluk penghujung pendek sepatutnya membawakan manfaat di kala kitaran pelonggaran monetari global seperti di AS berterusan dan pengukuhan MYR menarik masuk aliran portfolio asing. Bahagian hujung panjang (long-end) keluk pula akan kekal stabil didorong oleh daya tarikannya kepada pelabur yang mencari hasil.

Kami akan terus berusaha berdasarkan momentum bagi sukuk kerajaan, dengan mencari peluang dagangan jangka pendek ke pertengahan. Peruntukan aset kami akan terus mengutamakan sukuk korporat berbanding sukuk kerajaan untuk meningkatkan hasil pulangan.

Prospek pelaburan kami bagi tahun 2026 kekal positif secara amnya untuk ekuiti, meskipun terdapat sedikit ketidakpastian akibat ketegangan geopolitik. Ketegangan perdagangan yang semakin reda serta relevansi berterusan kecerdasan buatan (AI), walaupun dengan potensi kenaikan yang lebih sederhana berbanding dua tahun lalu, akan menyumbang kepada persekitaran pelaburan yang progresif. Metrik penilaian terus memihak kepada Asia, di mana pengeluar dasar masih mempunyai ruang untuk mengurangkan kadar faedah serta menyediakan sokongan fiskal tambahan, manakala keuntungan korporat juga semakin bertambah baik, sekali gus mewujudkan landskap yang kondusif bagi ekuiti Asia. Di peringkat domestik, kami kekal positif terhadap ekuiti, didorong oleh pengukuhan kitaran pelaburan dengan kadar pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan serta kadar pelaksanaan mencapai tahap tertinggi dalam tempoh beberapa tahun. Ini disokong pula oleh persekitaran politik yang stabil yang membantu memastikan kesinambungan dasar. Perkembangan ini memperkukuhkan pandangan positif kami terhadap ekonomi Malaysia yang akan memanfaatkan beberapa sektor utama. Momentum yang berterusan dalam inisiatif pertumbuhan serta penilaian pasaran yang berada di bawah paras purata (below-mean) memberikan asas yang stabil bagi sektor ekuiti Malaysia.


# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

## 04. A-DANA BALANCED (SAMBUNGAN)

### Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Tidak. Kami akan terus memberi tumpuan bagi memaksimumkan jumlah pulangan daripada pertumbuhan pendapatan dan modal dengan melabur dalam sukuk gred pelaburan dan instrumen pasaran wang Islam di Malaysia, sambil meminimumkan risiko pelaburan semula. Bagi bahagian ekuiti, kami akan meneruskan pencarian pertumbuhan modal dan pendapatan jangka panjang selama ini portfolio ekuiti patuh Syariah yang pelbagai.

### Pendedahan Aset A-Dana Balanced pada 31 Disember 2025



# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

## 04. A-DANA BALANCED (SAMBUNGAN)

### Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2025	31 Dis 2024	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021
Tunai dan Setara Tunai	1%	2%	2%	9%	11%
Pembinaan	10%	9%	3%	3%	3%
Produk Pengguna	5%	4%	6%	9%	6%
Tenaga	5%	6%	4%	2%	2%
Sekuriti Pendapatan Tetap	21%	23%	30%	25%	21%
Kewangan	0%	1%	0%	2%	2%
Penjagaan Kesihatan	10%	7%	6%	5%	8%
Produk Perindustrian	16%	14%	10%	9%	12%
Hartanah	3%	5%	4%	1%	1%
Perladangan	5%	5%	7%	8%	5%
Amanah Pelaburan Harta Tanah	0%	0%	1%	1%	1%
Teknologi	11%	9%	9%	9%	12%
Telekomunikasi & Media	3%	7%	8%	9%	9%
Pengangkutan & Logistik	1%	1%	2%	3%	3%
Utiliti	8%	9%	9%	5%	4%
<b>JUMLAH</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>

# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

## 04. A-DANA BALANCED (SAMBUNGAN)

### Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset (“NAV”)

	31 Dis 2025	31 Dis 2024	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021
Jumlah NAV (RM)	201,186,200	184,147,678	142,055,831	115,124,418	103,488,617
Bilangan Unit	106,481,734	99,562,107	92,542,624	77,873,644	66,053,755
NAV/Unit (RM)	1.889	1.850	1.535	1.478	1.567
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	1.908	1.863	1.537	1.556	1.616
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	1.592	1.534	1.462	1.379	1.500
<b>Cukai (%)</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>

Jumlah pulangan tahunan dana berdasarkan pertumbuhan modal	2.15%	20.49%	3.83%	-5.64%	1.44%
Purata pulangan tahunan					
1-Tahun	2.15%	20.49%	3.83%	-5.64%	1.44%
3-Tahun	8.52%	5.69%	-0.20%	5.20%	9.89%
5-Tahun	4.11%	7.81%	5.39%	2.24%	5.04%


Prestasi pulangan tahunan Indeks Penanda Aras					
1-Tahun	-0.95%	11.38%	2.32%	-7.36%	-5.09%
3-Tahun	4.12%	1.82%	-3.47%	-1.18%	3.14%
5-Tahun	-0.15%	1.92%	0.79%	-1.41%	1.84%

# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

## 05. A-DANA STRATEGIC EQUITY

Bagi tahun kewangan 2025, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan positif sebanyak 2.62%, berbanding pulangan penanda aras sebanyak 2.71%. Prestasi Dana secara amnya sejajar dengan penanda aras. Walaupun peruntukan Dana kepada Dana A-Dana Equity telah menambah nilai di mana ia telah mengatasi prestasi penanda arasnya, namun ianya telah diimbangi oleh Dana Indeks Ekuiti Global Islam HSBC yang telah menghasilkan pulangan mutlak yang kukuh walaupun berprestasi rendah berbanding penanda arasnya dalam terma USD. Sejak penubuhannya, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak 35.48% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak 30.01%.

### Prestasi Sejarah



### Prestasi pada 31 Disember 2025

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Penubuhan
	Nov 25 – Dis 25	Dis 24 – Dis 25	Dis 22 – Dis 25	Dis 20 – Dis 25	Mei 21 – Dis 25
A-Dana Strategic Equity	0.46%	2.62%	43.08%	-	35.48%
Indeks*	0.26%	2.71%	44.91%	-	30.01%
Lebih/(Bawah) Prestasi	0.20%	-0.09%	-1.82%	-	5.47%

\* 50% FBM Emas Syariah (Sumber: Laman web Bursa Malaysia) + 50% Indeks Dow Jones Islamic Market Titans 100 (Sumber: Bloomberg)

**Notis:** Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

## 05. A-DANA STRATEGIC EQUITY (SAMBUNGAN)


### Apakah strategi masa depan?

Prospek pelaburan kami bagi tahun 2026 kekal positif secara amnya untuk ekuiti, meskipun terdapat sedikit ketidaktentuan akibat ketegangan geopolitik. Ketegangan perdagangan yang semakin reda serta relevansi berterusan kecerdasan buatan (AI), walaupun dengan potensi kenaikan yang lebih sederhana berbanding dua tahun lalu, akan menyumbang kepada persekitaran pelaburan yang progresif. Metrik penilaian terus memihak kepada Asia, di mana pengeluar dasar masih mempunyai ruang untuk mengurangkan kadar faedah serta menyediakan sokongan fiskal tambahan, manakala keuntungan korporat juga semakin bertambah baik, sekali gus mewujudkan landskap yang kondusif bagi ekuiti Asia. Di peringkat domestik, kami kekal positif terhadap ekuiti, didorong oleh pengukuhan kitaran pelaburan dengan kadar pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan serta kadar pelaksanaan mencapai tahap tertinggi dalam tempoh beberapa tahun. Ini disokong pula oleh persekitaran politik yang stabil yang membantu memastikan kesinambungan dasar. Perkembangan ini memperkukuhkan pandangan positif kami terhadap ekonomi Malaysia yang akan memanfaatkan beberapa sektor utama. Momentum yang berterusan dalam inisiatif pertumbuhan serta penilaian pasaran yang berada di bawah paras purata (below-mean) memberikan asas yang stabil bagi sektor ekuiti Malaysia.

### Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Tidak. Kami akan melanjutkan pencarian pertumbuhan modal jangka panjang menerusi portfolio pelaburan sekuriti patuh Syariah yang pelbagai di bursa tempatan dan asing.

### Pendedahan Aset A-Dana Strategic Equity pada 31 Disember 2025



# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

## 05. A-DANA STRATEGIC EQUITY (SAMBUNGAN)

### Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2025	31 Dis 2024	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021
Tunai dan Setara Tunai	3%	2%	5%	13%	9%
Dana Mutual	97%	98%	95%	87%	91%
<b>JUMLAH</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>

### Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")

	31 Dis 2025	31 Dis 2024	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021
Jumlah NAV (RM)	192,596,355	168,165,685	125,559,050	93,644,945	52,632,623
Bilangan Unit	142,162,070	127,384,340	113,473,963	98,902,749	48,354,608
NAV/Unit (RM)	1.355	1.320	1.107	0.947	1.088
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	1.384	1.346	1.116	1.084	1.088
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	1.110	1.102	0.940	0.922	0.997
<b>Cukai (%)</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>

Jumlah pulangan tahunan dana berdasarkan pertumbuhan modal	2.62%	19.31%	16.86%	-13.01%	-
Purata pulangan tahunan					
1-Tahun	2.62%	19.31%	16.86%	-13.01%	-
3-Tahun	12.68%	6.64%	-	-	-
5-Tahun	-	-	-	-	-


Prestasi pulangan tahunan Indeks Penanda Aras					
1-Tahun	2.71%	18.79%	18.76%	-15.84%	-
3-Tahun	13.16%	5.89%	-	-	-
5-Tahun	-	-	-	-	-

# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

## 06. A-DANA STRATEGIC DYNAMIC

Bagi tahun kewangan 2025, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan sebanyak 1.77%, berbanding pulangan penanda aras sebanyak 3.02%. Dana memberikan pulangan mutlak yang kukuh yang melebihi pulangan bersih sasaran sebanyak 6% walaupun prestasi penanda arasnya kurang baik dalam terma MYR. Prestasi ekuiti didorong oleh keuntungan dalam sektor Teknologi dan Bahan Asas Pengguna, manakala sektor Bahan dan Budi bicara Pengguna memberi kesan kepada keputusan. Pegangan tunai Dana yang tiada dalam penanda aras juga memberi kesan terhadap prestasi sebagai rintangan terhadap tunai. Sejak penubuhannya, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak 23.78% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak 35.32%.

### Prestasi Sejarah



### Prestasi pada 31 Disember 2025

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Penubuhan
	Nov 25 – Dis 25	Dis 24 – Dis 25	Dis 22 – Dis 25	Dis 20 – Dis 25	Jun 22 – Dis 25
A-Dana Strategic Dynamic	-1.04%	1.77%	24.43%	N/A	23.78%
Indeks*	-1.56%	3.02%	36.91%	N/A	35.32%
Lebih/(Bawah) prestasi	0.52%	-1.25%	-12.48%	N/A	-11.55%

\* 65% Indeks Pulangan Dunia Pasaran Islam Dow Jones + 35% Indeks Sukuk Dow Jones (Sumber: Bloomberg)

**Notis:** Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

## 06. A-DANA STRATEGIC DYNAMIC (SAMBUNGAN)

### Apakah strategi masa depan?

Pengurus dana luaran berpendapat bahawa latar belakang kitaran pasaran masih menyokong, dengan rangsangan fiskal AS, kadar faedah yang lebih rendah serta pasaran buruh yang stabil pada tahap “pengambilan rendah/pemecatan rendah” mengekalkan risiko kemelesetan pada tahap yang minimum, meskipun penilaian ekuiti dan potensi lebih berkaitan AI menjadi kebimbangan yang semakin meningkat. Mereka berpendapat bahawa nilai di dalam bon/sukuk AS adalah terhad, di mana jangkaan pemotongan kadar faedah yang agresif dianggap masih pramatang, serta menyedari sebaran kredit yang ketat di mana sektor teknikal akan bertambah lemah di masa depan memandangkan perbelanjaan modal AI serta Penggabungan & Pengambilalihan (M&A) memacu lebih banyak terbitan. Pendirian positif mereka terhadap emas kekal utuh, memandangkan ketidaktentuan dasar, kerapuhan fiskal, dan kemerosotan keyakinan terhadap Perbendaharaan AS serta USD. Secara struktur, mereka menjangkakan kelemahan berterusan USD disebabkan oleh defisit fiskal dan mempelbagaian rizab ke dalam emas. Secara keseluruhan, mereka mengekalkan pandangan konstruktif terhadap ekuiti tetapi mengimbangi kedudukan ini dengan pegangan jangka masa panjang terhadap emas, manakala kurang wajaran terhadap tempoh dan juga kekurangan wajaran USD.

Secara dalaman, prospek pelaburan kami bagi tahun 2026 kekal positif secara amnya untuk ekuiti, meskipun terdapat sedikit ketidaktentuan akibat ketegangan geopolitik. Ketegangan perdagangan yang semakin reda serta relevansi berterusan kecerdasan buatan (AI), walaupun dengan potensi kenaikan yang lebih sederhana berbanding dua tahun lalu, akan menyumbang kepada persekitaran pelaburan yang progresif. Metrik penilaian terus memihak kepada Asia, di mana pengeluar dasar masih mempunyai ruang untuk mengurangkan kadar faedah serta menyediakan sokongan fiskal tambahan, manakala keuntungan korporat juga semakin bertambah baik, sekali gus mewujudkan landskap yang kondusif bagi ekuiti Asia. Di peringkat domestik, kami kekal positif terhadap ekuiti, didorong oleh pengukuhan kitaran pelaburan dengan kadar pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan serta kadar pelaksanaan mencapai tahap tertinggi dalam tempoh beberapa tahun. Ini disokong pula oleh persekitaran politik yang stabil yang membantu memastikan kesinambungan dasar. Perkembangan ini memperkukuhkan pandangan positif kami terhadap ekonomi Malaysia yang akan memanfaatkan beberapa sektor utama. Momentum yang berterusan dalam inisiatif pertumbuhan serta penilaian pasaran yang berada di bawah paras purata (below-mean) memberikan asas yang stabil bagi sektor ekuiti Malaysia.


# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

## 06. A-DANA STRATEGIC DYNAMIC (SAMBUNGAN)

### Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Tidak. Kami akan melanjutkan pencarian pertumbuhan modal jangka panjang menerusi portfolio pelaburan sekuriti patuh Syariah yang pelbagai di bursa tempatan dan asing.

### Pendedahan Aset A-Dana Strategic Dynamic pada 31 Disember 2025



### Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2025	31 Dis 2024	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021
Tunai dan Setara Tunai	4%	1%	6%	6%	-
Dana Mutual	96%	99%	94%	94%	-
<b>JUMLAH</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>-</b>

# JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

## 06. A-DANA STRATEGIC DYNAMIC (SAMBUNGAN)

### Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")

	31 Dis 2025	31 Dis 2024	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021
Jumlah NAV (RM)	31,427,626	31,312,144	23,848,224	11,557,938	-
Bilangan Unit	25,390,942	25,745,496	21,019,919	11,619,180	-
NAV/Unit (RM)	1.238	1.216	1.135	0.995	-
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	1.290	1.287	1.150	1.060	-
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	1.084	1.132	0.992	0.990	-
<b>Cukai (%)</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	-

Jumlah pulangan tahunan dana berdasarkan pertumbuhan modal	1.77%	7.20%	14.06%	-	-
Purata pulangan tahunan					
1-Tahun	1.77%	7.20%	14.06%	-	-
3-Tahun	7.56%	-	-	-	-
5-Tahun	-	-	-	-	-

Prestasi pulangan tahunan Indeks Penanda Aras					
1-Tahun	3.02%	8.18%	22.84%	-	-
3-Tahun	11.04%	-	-	-	-
5-Tahun	-	-	-	-	-

# BUTIRAN PELABURAN

## 01. A-DANA INCOME

### TERBITAN PELABURAN KERAJAAN

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
42,000,000	MALAYSIA GOVERNMENT ISSUES	44,944,970	44,948,460	16.46%
<b>42,000,000</b>		<b>44,944,970</b>	<b>44,948,460</b>	

### SUKUK KORPORAT TIDAK TERCATAT

Kuantiti	Nama Kaunter	Penarafan	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
8,000,000	AMANAT LEBUHRAYA RAKYAT BHD	AAA	8,000,000	8,637,040	3.16%
3,000,000	AMBANK ISLAMIC BHD	AA3	3,000,000	3,054,720	1.12%
7,000,000	BERAPIT MOBILITY SDN. BHD.	AA(IS)	7,084,600	7,310,590	2.68%
6,000,000	CELLCO CAPITAL	AA(IS)	6,000,000	6,202,260	2.27%
10,000,000	DANAINFRA NASIONAL BHD	Non Rated	10,735,500	10,725,000	3.93%
3,250,000	DRB-HICOM BHD	AA-(IS)	3,396,475	3,420,678	1.25%
2,000,000	EDRA SOLAR	AA2	2,018,400	2,082,380	0.76%
3,500,000	EDRA SOLAR	AA2	3,500,000	3,587,150	1.31%
1,000,000	JOHOR CORPORATION	AAA	1,000,000	1,037,240	0.38%
2,000,000	LEADER ENERGY LEAENE	AA-(IS)	2,000,000	2,132,380	0.78%
5,000,000	PELABUHAN TANJUNG	AA(IS)	5,000,000	4,981,200	1.82%
17,000,000	PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN. BHD.	AAA	17,198,700	17,310,085	6.34%
15,500,000	PENGURUSAN AIR SPV BHD	AAA	15,500,000	15,821,755	5.79%
600,000	SOUTHERN POWER GENERATION SDN BHD	AA-(IS)	656,220	659,592	0.24%
14,000,000	TNB POWER GENERATION SDN BHD	AAA(IS)	14,000,000	15,599,690	5.71%
4,000,000	TRIPLC MEDICAL SDN BHD	AA1	4,278,800	4,251,280	1.56%
2,500,000	WEST COAST EXPRESSWAY	AAA(BG)	2,677,250	2,747,600	1.01%
16,000,000	WEST COAST EXPRESSWAY SDN BHD	AAA(BG)	17,063,000	17,311,015	6.34%
5,000,000	WESTPORTS MALAYSIA SDN BHD	AAA	5,027,500	5,179,750	1.90%
10,000,000	YINSON HOLDINGS	A1	10,000,000	9,991,600	3.66%
10,000,000	YINSON HOLDINGS	A-(IS)	10,000,000	10,147,900	3.72%
10,000,000	DANUM CAPITAL BERHAD	AAA(S)	10,000,000	9,733,300	3.56%
7,500,000	PNB MERDEKA VENTURES	AAA(IS)	7,500,000	7,533,825	2.76%
5,000,000	PULAU INDAH POWER PLANT	AA+(IS)	5,038,000	5,074,700	1.86%
10,000,000	UEM SUNRISE BERHAD	AA-(IS)	10,018,000	10,148,500	3.72%
5,000,000	CIMB GROUP HOLDINGS BERHAD	AA2	5,000,000	5,011,250	1.83%
2,500,000	NORTHPORT MALAYSIA BHD	AA(IS)	2,500,000	2,502,100	0.92%
5,000,000	PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD.	AAA	5,000,000	4,912,750	1.80%
10,000,000	SD GUTHRIE BERHAD	AAA(IS)	10,000,000	9,951,800	3.64%
<b>200,350,000</b>			<b>203,192,445</b>	<b>207,059,130</b>	

# BUTIRAN PELABURAN (SAMBUNGAN)

## 01. A-DANA INCOME (SAMBUNGAN)

### EKUITI DILULUSKAN SYARIAH TIDAK TERCATAT\*

Kuantiti	Nama Kaunter	Penarafan	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
4,800,000	IJM LAND BHD	A2(S)	5,010,900	4,898,352	1.79%
5,000,000	UMW HOLDINGS BERHAD	AA-(IS)	5,000,000	5,274,650	1.93%
7,500,000	YINSON HOLDINGS	A+(IS)	7,892,750	7,866,975	2.88%
<b>17,300,000</b>			<b>17,903,650</b>	<b>18,039,977</b>	

\* Kesemua ekuiti patuh Syariah tidak tercatat merujuk kepada Sukuk Subordinat Hayat.

## 02. A-DANA EQUITY

### SAHAM DILULUSKAN SYARIAH TERCATAT

Kuantiti	Nama Kaunter		Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
<b>PEMBINAAN</b>					
3,423,000	BINASTRA CORP BHD		4,300,118	7,462,140	0.74%
9,922,227	GAMUDA BHD ORD		33,740,401	49,412,690	4.89%
5,382,600	IJM CORP BHD MYR1		12,746,331	12,218,502	1.21%
1,860,400	KERJAYA PROSPEK GROUP BHD		3,039,085	4,948,664	0.49%
1,916,900	SUNWAY CONSTRUCTION GROUP BH SCGB		7,822,514	10,849,654	1.07%
19,286,700	SOUTHERN SCORE BUILDERS BHD		10,464,331	12,247,055	1.21%
1,535,000	UUE HOLDINGS BHD		901,016	813,550	0.08%
1,409,500	LIM SEONG HAI CAPITAL BHD		2,789,921	2,931,760	0.29%
<b>BARANGAN PENGGUNA</b>					
2,323,825	QL RESOURCES BHD		8,203,030	8,807,297	0.87%
4,403,600	HI MOBILITY BHD		10,993,587	12,109,900	1.20%
<b>TENAGA</b>					
5,981,200	BUMI ARMADA BERHAD		3,088,529	1,764,454	0.17%
8,457,800	DAYANG ENTERPRISE HLDGS BHD		17,499,325	14,293,682	1.42%
7,994,430	DIALOG GROUP BHD		18,112,648	13,430,642	1.33%
7,207,500	KEYFIELD INTERNATIONAL BHD		15,328,885	10,955,400	1.08%
28,992,800	PERDANA PETROLEUM BHD		8,719,729	4,638,848	0.46%
65,335,100	VELESTO ENERGY BHD		14,981,291	17,967,153	1.78%
4,968,700	LIANSON FLEET GROUP BHD		5,471,507	10,334,896	1.02%

# BUTIRAN PELABURAN (SAMBUNGAN)

## 02. A-DANA EQUITY (SAMBUNGAN)

### SAHAM DILULUSKAN SYARIAH TERCATAT (SAMBUNGAN)

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
<b>PENJAGAAN KESIHATAN</b>				
4,960,800	HARTALEGA HOLDINGS BHD	11,262,468	4,911,192	0.49%
9,328,900	IHH HEALTHCARE BHD	60,328,218	81,627,875	8.08%
11,336,800	KOSSAN RUBBER INDUSTRIES BHD	19,489,066	12,357,112	1.22%
7,055,700	KPJ HEALTHCARE BERHAD	17,429,837	18,979,833	1.88%
11,419,200	TOP GLOVE CORP BHD	10,785,799	7,365,384	0.73%
<b>PRODUK PERINDUSTRIAN</b>				
3,230,100	AURELIUS TECHNOLOGIES BHD	2,463,763	2,648,682	0.26%
7,679,725	ENGTEX GROUP BHD	4,923,586	4,377,443	0.43%
1,732,400	KELINGTON GROUP BHD KGRB	6,352,244	9,008,480	0.89%
2,270,000	MALAYAN CEMENT BHD	10,440,772	17,388,200	1.72%
11,235,800	NATIONGATE HOLDINGS BHD	14,171,640	9,999,862	0.99%
6,180,100	PETRONAS CHEMICALS GROUP BHD	26,798,623	22,433,763	2.22%
5,236,700	PRESS METAL ALUMINIUM HOLDINGS BHD	27,916,645	37,285,304	3.69%
2,329,400	SAM ENGINEERING & EQUIPMENT SEQB	10,847,012	8,688,662	0.86%
7,500,000	SOUTHERN CABLE GROUP BHD	4,663,292	17,175,000	1.70%
5,819,419	SUNWAY BHD	20,666,208	32,705,135	3.24%
1,055,000	PIE INDUSTRIAL BHD PIE	4,339,603	2,827,400	0.28%
1,105,200	KJTS GROUP BHD	1,793,983	1,613,592	0.16%
<b>PERLADANGAN</b>				
691,300	GENTING PLANTATIONS BHD	5,257,118	3,525,630	0.35%
6,199,400	IOI CORPORATION BHD	25,340,112	24,797,600	2.46%
929,256	KUALA LUMPUR KEPONG BHD	21,388,681	18,585,120	1.84%
6,397,292	SD GUTHRIE BD	30,012,993	36,656,483	3.63%
451,500	UNITED PLANTATIONS BHD	5,171,120	13,572,090	1.34%
<b>HARTANAH</b>				
7,474,500	ECO WORLD DEVELOPMENT GROUP BHD	10,412,071	15,621,705	1.55%
13,946,300	MAH SING GROUP BHD	18,979,172	13,458,180	1.33%
10,191,458	SIME DARBY PROPERTY BHD	10,252,262	14,166,127	1.40%
8,182,200	SP SETIA BHD	8,523,175	5,973,006	0.59%
3,493,300	IOI PROPERTIES GROUP SDN BHD	7,377,313	9,222,312	0.91%

**BUTIRAN PELABURAN** (SAMBUNGAN)**02. A-DANA EQUITY (SAMBUNGAN)****SAHAM DILULUSKAN SYARIAH TERCATAT (SAMBUNGAN)**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
<b>TEKNOLOGI</b>				
5,308,150	FRONTKEN CORP BHD FRCB	18,322,622	22,188,067	2.20%
4,871,900	GREATECH TECHNOLOGY BHD GREATEC	10,122,749	7,697,602	0.76%
10,325,300	INARI AMERTRON BHD	25,149,253	17,346,502	1.72%
3,225,300	ITMAX SYSTEM	8,219,620	15,384,681	1.52%
2,822,900	PENTAMASTER CORP BHD	9,765,884	10,952,852	1.08%
2,855,900	SMRT HOLDINGS BHD	2,219,973	1,527,907	0.15%
8,840,800	INFOMINA BHD	12,195,576	11,758,264	1.16%
261,200	MALYSIAN PACIFIC INDUSTRIES	8,047,525	8,421,088	0.83%
2,923,800	VITROX CORP BHD	12,172,796	11,636,724	1.15%
1,081,400	THMY HOLDINGS BHD	922,837	973,260	0.10%
602,700	UWC HOLDINGS SDN BHD	2,196,372	2,483,124	0.25%
<b>TELEKOMUNIKASI &amp; MEDIA</b>				
8,997,836	TELEKOM MALAYSIA BHD	57,304,452	72,432,580	7.17%
782,600	TIME DOTCOM	4,098,360	4,374,734	0.43%
<b>PENGANGKUTAN &amp; LOGISTIK</b>				
889,700	MISC BHD	6,685,179	6,939,660	0.69%
1,082,092	WESTPORTS HOLDINGS BHD	4,306,741	6,135,462	0.61%
<b>UTILITI</b>				
2,061,006	RANHILL UTILITIES BHD RAHH	2,480,330	3,503,710	0.35%
7,308,600	TENAGA NASIONAL BHD	83,325,333	100,273,992	9.93%
520,000	PETRONAS GAS BHD SHS	9,126,716	9,432,800	0.93%
8,812,200	MALAKOFF CORP BHD MLK	9,200,361	7,137,882	0.71%
<b>411,406,416</b>		<b>861,451,703</b>	<b>962,758,350</b>	

**WARAN**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
110,100	UUE HOLDINGS BHD	-	16,515	0.00%
<b>110,100</b>		<b>-</b>	<b>16,515</b>	

# BUTIRAN PELABURAN (SAMBUNGAN)

## 03. A-DALI EQUITY

### PELABURAN LAIN - DANA MUTUAL

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
14,168,131	AIA PUB TAKAFUL A DANA EQUITY FUND	11,466,162	13,377,833	99.61%
<b>14,168,131</b>		<b>11,466,162</b>	<b>13,377,833</b>	

## 04. A-DANA BALANCED

### TERBITAN PELABURAN KERAJAAN

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
10,000,000	MALAYSIA GOVERNMENT ISSUES	10,496,200	10,488,300	5.21%
<b>10,000,000</b>		<b>10,496,200</b>	<b>10,488,300</b>	

### SUKUK KORPORAT TIDAK TERCATAT

Kuantiti	Nama Kaunter	Penarafan	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
2,000,000	AMANAT LEBUHRAYA RAKYAT BHD	AAA	2,000,000	2,042,760	1.02%
3,000,000	BERAPIT MOBILITY SDN. BHD.	AA(IS)	3,049,400	3,133,110	1.56%
2,000,000	CELLCO CAPITAL	AA(IS)	2,000,000	2,067,420	1.03%
250,000	DRB-HICOM BHD	AA-(IS)	253,750	252,990	0.13%
2,000,000	PUBLIC ISLAMIC	AA1	2,000,000	2,025,920	1.01%
3,000,000	SARAWAK PETCHEM SARPET	AAA(S)	3,091,900	3,411,210	1.70%
1,900,000	SOUTHERN POWER GENERATION SDN BHD	AA-(IS)	2,059,480	2,056,018	1.02%
2,000,000	TNB POWER GENERATION SDN BHD	AAA(IS)	2,000,000	2,162,820	1.08%
1,000,000	TRIPLC MEDICAL SDN BHD	AA1	1,007,520	1,036,060	0.51%
500,000	WEST COAST EXPRESSWAY	AAA(BG)	535,450	549,520	0.27%
2,000,000	WEST COAST EXPRESSWAY SDN BHD	AAA(BG)	2,138,900	2,153,250	1.07%
1,000,000	BANK SIMPANAN NASIONAL	AAA	1,008,750	1,017,920	0.51%
10,000,000	AEON CREDIT SERVICE (M) BERHAD	AA3	9,993,000	10,033,600	4.99%
250,000	PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN. BHD.	AAA	275,825	277,085	0.14%
<b>30,900,000</b>			<b>31,413,975</b>	<b>32,219,683</b>	

# BUTIRAN PELABURAN (SAMBUNGAN)

## 04. A-DANA BALANCED (SAMBUNGAN)

### SAHAM DILULUSKAN SYARIAH TERCATAT

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
<b>BARANGAN PENGGUNA</b>				
223,200	QL RESOURCES BHD	787,198	845,928	0.42%
1,084,500	LIFE WATER BHD	967,883	1,550,835	0.77%
2,823,600	HI MOBILITY BHD	6,219,858	7,764,900	3.86%
<b>PEMBINAAN</b>				
1,018,500	BINASTRA CORP BHD	778,240	2,220,330	1.10%
1,688,079	GAMUDA BHD ORD	5,954,302	8,406,633	4.18%
772,300	IJM CORP BHD	1,891,419	1,753,121	0.87%
259,300	SUNWAY CONSTRUCTION GROUP BH SCGB	1,083,451	1,467,638	0.73%
3,842,800	SOUTHERN SCORE BUILDERS BHD	2,009,840	2,440,178	1.21%
4,217,600	UUE HOLDINGS BHD	2,211,010	2,235,328	1.11%
2,950,000	CHEEDING HOLDINGS BHD	1,072,620	2,419,000	1.20%
408,600	LIM SEONG HAI CAPITAL BHD	813,713	849,888	0.42%
<b>TENAGA</b>				
1,437,000	DAYANG ENTERPRISE HLDGS BHD	2,950,637	2,428,530	1.21%
879,316	DIALOG GROUP BHD	1,951,647	1,477,251	0.73%
1,046,500	KEYFIELD INTERNATIONAL BHD	2,184,306	1,590,680	0.79%
10,326,600	VELESTO ENERGY BHD	2,259,352	2,839,815	1.41%
974,300	LIANSON FLEET GROUP BHD	1,202,241	2,026,544	1.01%
1,541,200	PEKAT GROUP BERHAD	2,603,198	2,435,096	1.21%
<b>PENJAGAAN KESIHATAN</b>				
765,000	HARTALEGA HOLDINGS BHD	1,723,792	757,350	0.38%
1,446,200	IHH HEALTHCARE BHD	9,503,915	12,654,250	6.29%
1,384,600	KOSSAN RUBBER INDUSTRIES BHD	2,174,080	1,509,214	0.75%
954,900	KPJ HEALTHCARE BHD	2,344,232	2,568,681	1.28%
1,760,900	TOP GLOVE CORP BHD	1,444,922	1,135,781	0.56%
2,210,000	LAC MED BHD	1,707,510	1,966,900	0.98%
<b>PRODUK PERINDUSTRIAN</b>				
912,300	AURELIUS TECHNOLOGIES BHD	696,577	748,086	0.37%
1,528,875	ENGTEX GROUP BHD	977,908	871,459	0.43%
275,300	KELINGTON GROUP BHD KGRB	1,217,899	1,431,560	0.71%
290,800	MALAYAN CEMENT BHD	1,315,738	2,227,528	1.11%
1,529,000	NATIONGATE HOLDINGS BHD	1,967,737	1,360,810	0.68%
872,600	PETRONAS CHEMICALS GROUP BHD	3,588,198	3,167,538	1.57%
669,600	PRESS METAL ALUMINIUM HOLDINGS BHD	3,538,186	4,767,552	2.37%
456,000	SAM ENGINEERING & EQUIPMENT SEQB	1,969,248	1,700,880	0.85%

# BUTIRAN PELABURAN (SAMBUNGAN)

## 04. A-DANA BALANCED (SAMBUNGAN)

### SAHAM DILULUSKAN SYARIAH TERCATAT (SAMBUNGAN)

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
<b>PRODUK PERINDUSTRIAN (SAMBUNGAN)</b>				
730,276	SUNWAY BHD	2,826,750	4,104,151	2.04%
103,800	PIE INDUSTRIAL BHD PIE	471,127	278,184	0.14%
4,691,500	ICENTS GROUP HOLDINGS BHD	1,774,012	1,829,685	0.91%
2,300,000	CBH ENGINEERING HOLDING BHD	1,027,085	1,046,500	0.52%
1,016,900	KJTS GROUP BHD	1,602,714	1,484,674	0.74%
758,100	SOUTHERN CABLE GROUP BHD	1,638,632	1,736,049	0.86%
<b>HARTANAH</b>				
748,600	ECO WORLD DEVELOPMENT GROUP BHD	1,257,976	1,564,574	0.78%
1,556,400	MAH SING GROUP BHD	2,403,303	1,501,926	0.75%
1,169,100	SIME DARBY PROPERTY BHD	1,666,946	1,625,049	0.81%
1,307,800	SP SETIA BHD	1,452,828	954,694	0.47%
503,400	IOI PROPERTIES GROUP SDN BHD	1,058,244	1,328,976	0.66%
<b>PERLADANGAN</b>				
391,000	IOI CORPORATION BHD	1,479,991	1,564,000	0.78%
74,836	KUALA LUMPUR KEPONG BHD	1,583,113	1,496,720	0.74%
827,798	SD GUTHRIE BD	3,928,947	4,743,283	2.36%
42,600	UNITED PLANTATIONS BHD	915,359	1,280,556	0.64%
<b>TELEKOMUNIKASI &amp; MEDIA</b>				
869,037.00	TELEKOM MALAYSIA BHD	5,851,561	6,995,748	3.48%
<b>PENGANGKUTAN &amp; LOGISTIK</b>				
2,000,000	ORKIM BHD	1,859,872	2,020,000	1.00%
<b>TEKNOLOGI</b>				
775,050	FRONTKEN CORP BHD FRCB	2,662,235	3,239,709	1.61%
1,863,700	GO HUB CAPITAL SDN BHD	659,340	1,108,902	0.55%
699,400	GREATECH TECHNOLOGY BHD GREATEC	1,531,063	1,105,052	0.55%
1,639,600	INARI AMERTRON BHD	3,980,891	2,754,528	1.37%
537,000	ITMAX SYSTEM	1,274,689	2,561,490	1.27%
485,900	PENTAMASTER CORP BHD	1,509,051	1,885,292	0.94%
2,000,000	INFOMINA BHD	2,346,382	2,660,000	1.32%
43,400	MALAYSIAN PACIFIC INDUSTRIES	1,294,518	1,399,216	0.70%
2,221,000	THMY HOLDINGS BHD	695,946	1,998,900	0.99%
617,100	VITROX CORP BHD	2,530,290	2,456,058	1.22%
119,400	UWC HOLDINGS SDN BHD	435,248	491,928	0.24%

# BUTIRAN PELABURAN (SAMBUNGAN)

## 04. A-DANA BALANCED (SAMBUNGAN)

### SAHAM DILULUSKAN SYARIAH TERCATAT (SAMBUNGAN)

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
1,213,100	TENAGA NASIONAL BHD	16,089,420	16,643,731	8.27%
<b>81,855,267</b>		<b>138,918,390</b>	<b>155,478,859</b>	

### WARAN

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
324,900	UUE HOLDINGS BHD	-	48,735	0.02%
<b>324,900</b>		<b>-</b>	<b>48,735</b>	

## 05. A-DANA STRATEGIC EQUITY

### PELABURAN LAIN - DANA MUTUAL

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
618,747	HSBC ISLAMIC GLOBAL EQUITY INDEX FUND	12,884,000	90,739,504	47.11%
101,899,167	AIA PUB TAKAFUL A DANA EQUITY FUND	86,013,000	96,215,231	49.96%
<b>102,517,914</b>		<b>98,897,000</b>	<b>186,954,735</b>	

## 06. A-DANA STRATEGIC DYNAMIC

### PELABURAN LAIN - DANA MUTUAL

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
10,127,597	AFFIN HW GB TH MX FD-USDINT	24,733,576	30,092,226	95.75%
<b>10,127,597</b>		<b>24,733,576</b>	<b>30,092,226</b>	

# KENYATAAN PIHAK PENGURUS

Kami, Datin Dr. Rusnah binti Muhamad dan Heng Zee Wang, dua orang Pengarah AIA PUBLIC Takaful Bhd. ("Pengurus"), menyatakan bahawa, pada pendapat Pengurus, maklumat kewangan yang dibentangkan pada mukasurat 44 hingga 52 telah disediakan sewajarnya selaras dengan dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Polisi Dokumen Mengenai Perniagaan Berkaitan-Pelaburan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM").

Bagi pihak Pengurus

DATIN DR RUSNAH BINTI MUHAMMAD  
PENGARAH

HENG ZEE WANG  
PENGARAH

25 Mac 2026

# LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG  
UNIT DANA BERKAITAN PELABURAN TAKAFUL AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.**  
No. Pendaftaran: 201101007816 (935955-M)  
(Diperbadankan di Malaysia)

**A-DANA INCOME, A-DANA EQUITY, A-DALI EQUITY, A-DANA BALANCED,  
A-DANA STRATEGIC EQUITY, A-DANA STRATEGIC DYNAMIC**  
(Selepas ini dirujuk secara bersama sebagai "Dana")

## LAPORAN KE ATAS PENGAUDITAN MAKLUMAT KEWANGAN

### Pendapat Kami

Pada pendapat kami, maklumat kewangan Dana yang disertakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, telah disediakan dengan sewajarnya menurut dasar perakaunan yang ditetapkan di dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan Perniagaan Berkaitan-Pelaburan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia.

### Apa yang telah kami audit

Kami telah mengaudit maklumat kewangan Dana, yang terdiri daripada penyata aset dan liabiliti pada 31 Disember 2025, serta penyata pendapatan dan perbelanjaan dan penyata perubahan nilai aset bersih bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut, serta nota-nota kepada maklumat kewangan, termasuk ringkasan polisi perakaunan material, seperti yang dinyatakan pada halaman 44 hingga 52.

### Asas kepada pendapat

Kami telah melaksanakan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang telah diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISAs). Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut telah dihuraikan dengan lebih lanjut lagi di bawah bahagian "Tanggungjawab juruaudit bagi pengauditan maklumat kewangan" di dalam laporan kami.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

### Perkara utama - dasar perakaunan

Kami membawa perhatian kepada Nota 3 kepada maklumat kewangan yang menerangkan dasar penyediaan. Maklumat kewangan ini disediakan untuk membolehkan Dana memenuhi keperluan Garis Panduan Perniagaan Berkaitan-Pelaburan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia. Hasilnya, maklumat kewangan mungkin tidak sesuai untuk tujuan lain. Laporan kami bertujuan semata-mata bagi pemegang-pemegang unit Dana sebagai sebuah badan dan tidak boleh diedarkan kepada atau digunakan oleh pihak lain selain daripada pemegang-pemegang unit sijil. Pendapat kami berkaitan dengan perkara ini tidak diubahsuai.

# LAPORAN JURUAUDIT BEBAS (SAMBUNGAN)

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG UNIT DANA BERKAITAN PELABURAN TAKAFUL AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.

No. Pendaftaran: 201101007816 (935955-M)  
(Diperbadankan di Malaysia)

### **A-DANA INCOME, A-DANA EQUITY, A-DALI EQUITY, A-DANA BALANCED, A-DANA STRATEGIC EQUITY, A-DANA STRATEGIC DYNAMIC**

(Selepas ini dirujuk secara bersama sebagai "Dana")

## LAPORAN KE ATAS PENGAUDITAN MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### Kebebasan dan tanggungjawab etika lain

Kami adalah bebas daripada Dana selaras dengan Undang-undang Kecil (berkaitan Etika, Tatakelakuan dan Amalan Profesional) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan Kod Etika Antarabangsa bagi Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) oleh Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain selaras dengan Undang-undang Kecil dan Kod IESBA tersebut.

### Maklumat selain daripada maklumat kewangan dan laporan juruaudit mengenainya

Pengarah-pengarah AIA PUBLIC Takaful Bhd. ("Pengurus") bertanggungjawab ke atas maklumat lain tersebut. Maklumat lain merangkumi maklumat kewangan dana berkaitan pelaburan, tetapi tidak termasuk maklumat kewangan Dana dan laporan juruaudit kami mengenainya.

Pendapat kami mengenai maklumat kewangan Dana tidak meliputi maklumat lain, dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan ke atasnya. Berhubung dengan audit kami terhadap maklumat kewangan Dana, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain tersebut dan, dalam berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat lain itu tidak konsisten secara material dengan maklumat kewangan Dana atau pengetahuan yang kami perolehi semasa audit atau sebaliknya kelihatan mengandungi salah nyata yang material. Jika, berdasarkan kerja yang telah kami lakukan ke atas maklumat lain yang diperolehi sebelum tarikh laporan juruaudit ini, kami merumuskan bahawa terdapat salah nyata material dalam maklumat lain ini, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

# LAPORAN JURUAUDIT BEBAS (SAMBUNGAN)

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG  
UNIT DANA BERKAITAN PELABURAN TAKAFUL AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.**  
No. Pendaftaran: 201101007816 (935955-M)  
(Diperbadankan di Malaysia)

**A-DANA INCOME, A-DANA EQUITY, A-DALI EQUITY, A-DANA BALANCED,  
A-DANA STRATEGIC EQUITY, A-DANA STRATEGIC DYNAMIC**  
(Selepas ini dirujuk secara bersama sebagai "Dana")

## LAPORAN KE ATAS PENGAUDITAN MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### Tanggungjawab Pengurus terhadap maklumat kewangan

Pihak Pengurus adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan maklumat kewangan selaras dengan dasar-dasar perakaunan seperti yang dinyatakan dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia, dan bagi kawalan dalaman seperti yang ditentukan oleh Pengurus sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan maklumat kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan maklumat kewangan, Pengurus bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Dana untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan, menyatakan, sepertimana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan perakaunan asas usaha berterusan melainkan sekiranya Pengurus sama ada berhasrat untuk membubarkan Dana atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Pengurus bertanggungjawab ke atas pemantauan proses pelaporan kewangan Dana.

### Tanggungjawab Juruaudit terhadap pengauditan maklumat kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang wajar sekiranya maklumat kewangan secara menyeluruh adalah bebas daripada salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan membentangkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang wajar merupakan satu jaminan peringkat tinggi, namun ianya bukan jaminan bahawa audit yang dilaksanakan selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISAs) akan sentiasa mengenal pasti salah nyata yang material sekiranya ianya wujud. Salah nyataan boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap material sekiranya, secara individu atau agregat, ianya secara wajar dijangka boleh mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh para pengguna berasaskan maklumat kewangan ini.

# LAPORAN JURUAUDIT BEBAS (SAMBUNGAN)

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG UNIT DANA BERKAITAN PELABURAN TAKAFUL AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.

No. Pendaftaran: 201101007816 (935955-M)

(Diperbadankan di Malaysia)

### **A-DANA INCOME, A-DANA EQUITY, A-DALI EQUITY, A-DANA BALANCED, A-DANA STRATEGIC EQUITY, A-DANA STRATEGIC DYNAMIC**

(Selepas ini dirujuk secara bersama sebagai "Dana")

## LAPORAN KE ATAS PENGAUDITAN MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### Tanggungjawab Juruaudit terhadap pengauditan maklumat kewangan (sambungan)

Sebagai sebahagian daripada audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISAs), kami mempraktikkan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan audit. Kami juga:

- a) Mengetahui dan menilai risiko salah nyata yang material maklumat kewangan Dana, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan langkah-langkah audit yang responsif terhadap risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan berpatutan sebagai asas bagi pendapat kami. Risiko tidak dapat mengesan salah nyata yang material disebabkan oleh penipuan adalah lebih tinggi berbanding dengan yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, pengecualian bertujuan, salah nyata, atau pelanggaran kawalan dalaman.
- b) Mendapatkan kefahaman terhadap kawalan dalaman berkaitan dengan audit untuk merangka langkah-langkah audit yang sewajarnya mengikut keadaan, tetapi bukan dengan tujuan memberi pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Dana.
- c) Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Pengurus.
- d) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh Pengurus dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian yang material berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan terhadap kemampuan Dana meneruskan operasi sebagai usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian yang material wujud, kami dikehendaki mendedahkannya di dalam laporan juruaudit kami terhadap pendedahan berkaitan di dalam maklumat kewangan Pengurus atau, sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan mungkin menyebabkan Pengurus menamatkan operasi sebagai usaha berterusan.

# LAPORAN JURUAUDIT BEBAS (SAMBUNGAN)

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG UNIT DANA BERKAITAN PELABURAN TAKAFUL AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.

No. Pendaftaran: 201101007816 (935955-M)  
(Diperbadankan di Malaysia)

### **A-DANA INCOME, A-DANA EQUITY, A-DALI EQUITY, A-DANA BALANCED, A-DANA STRATEGIC EQUITY, A-DANA STRATEGIC DYNAMIC**

(Selepas ini dirujuk secara bersama sebagai "Dana")

### **LAPORAN KE ATAS PENGAUDITAN MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara lain, skop yang dirancang dan pemasaan audit dan penemuan audit penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan kami.

#### **PERKARA LAIN**

Laporan ini dibuat semata-mata kepada pemegang unit Dana, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain bagi kandungan laporan ini.

PRICEWATERHOUSECOOPERS PLT  
LLP0014401-LCA & AF 1146  
Akauntan-akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur  
25 Mac 2026

# PENYATA ASET DAN LIABILITI PADA 31 DISEMBER 2025

Nota	A-Dana Income		A-Dana Equity		A-DALI Equity		A-Dana Balanced		A-Dana Strategic Equity		A-Dana Strategic Dynamic	
	2025 RM	2024 RM	2025 RM	2024 RM	2025 RM	2024 RM	2025 RM	2024 RM	2025 RM	2024 RM	2025 RM	2024 RM
<b>ASET</b>												
Pelaburan												
- Terbitan Pelaburan												
Kerajaan	44,948,460	54,347,700	-	-	-	-	10,488,300	13,297,541	-	-	-	-
- Sukuk korporat tidak tercatat	207,059,130	178,061,253	-	-	-	-	32,219,683	28,756,470	-	-	-	-
- Saham diluluskan Syariah tercatat	-	-	962,774,865	930,983,146	-	-	155,527,594	138,780,982	-	-	-	-
- Pelaburan di dalam A-Dana Equity	-	-	-	-	13,377,833	13,674,230	-	-	96,215,231	83,175,924	-	-
- Ekuiti diluluskan Syariah tidak tercatat	18,039,977	10,203,934	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
- Lain-lain pelaburan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	30,092,226	31,059,337
- Aset Luar Negara	-	-	-	-	-	-	-	-	90,739,504	82,456,657	-	-
Cukai boleh pulih	-	-	-	127,641	3,226	-	-	-	-	-	-	36
Lain-lain terimaan	-	-	-	-	-	250,000	-	-	-	-	-	-
Pendapatan pelaburan belum diterima dan terakru	2,748,692	2,396,235	888,581	416,709	-	-	708,299	543,675	686	989	32	-
Jumlah belum diterima dari Pengurus	108,999	-	-	-	-	-	-	-	236,912	569,043	95,599	-
Tunai dan baki di bank	2,040,042	2,306,265	56,182,323	61,488,177	126,882	99,967	4,481,300	5,039,923	8,288,774	11,176,522	1,678,583	653,258
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>274,945,300</b>	<b>247,315,387</b>	<b>1,019,845,769</b>	<b>993,015,673</b>	<b>13,507,941</b>	<b>14,024,197</b>	<b>203,425,176</b>	<b>186,418,591</b>	<b>195,481,107</b>	<b>177,379,135</b>	<b>31,866,440</b>	<b>31,712,631</b>

# PENYATA ASET DAN LIABILITI PADA 31 DISEMBER 2025 (SAMBUNGAN)

Nota	A-Dana Income		A-Dana Equity		A-DALI Equity		A-Dana Balanced		A-Dana Strategic Equity		A-Dana Strategic Dynamic	
	2025 RM	2024 RM	2025 RM	2024 RM	2025 RM	2024 RM	2025 RM	2024 RM	2025 RM	2024 RM	2025 RM	2024 RM
<b>LIABILITI</b>												
Cukai berbayar	1,500,516	914,558	1,134,369	-	-	5,462	787,216	164,195	16,312	11,296	446	-
Cukai liabiliti tertanggung	320,520	231,548	8,105,853	10,657,262	-	-	1,392,561	1,843,121	2,847,899	2,185,271	428,692	391,715
Lain-lain bayaran	24,174	18,946	213,106	166,586	5,508	5,533	34,485	23,196	20,541	7,016,883	9,676	8,772
Jumlah perlu dibayar kepada Pengurus	-	694,720	635,231	1,798,005	71,681	144,858	24,714	240,401	-	-	-	-
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>1,845,210</b>	<b>1,859,772</b>	<b>10,088,559</b>	<b>12,621,853</b>	<b>77,189</b>	<b>155,853</b>	<b>2,238,976</b>	<b>2,270,913</b>	<b>2,884,752</b>	<b>9,213,450</b>	<b>438,814</b>	<b>400,487</b>
<b>NILAI ASET BERSIH DIANGGAP MILIK PEMEGANG SIJIL</b>	<b>273,100,090</b>	<b>245,455,615</b>	<b>1,009,757,210</b>	<b>980,393,820</b>	<b>13,430,752</b>	<b>13,868,344</b>	<b>201,186,200</b>	<b>184,147,678</b>	<b>192,596,355</b>	<b>168,165,685</b>	<b>31,427,626</b>	<b>31,312,144</b>
<b>DIWAKILI OLEH:</b>												
Nilai unit Pendapatan/(kerugian) tidak diedarkan dibawa ke hadapan	216,601,582	202,439,582	808,334,941	760,290,595	13,012,020	13,136,563	149,970,944	137,742,185	153,032,024	134,057,822	27,051,837	27,318,186
	56,498,508	43,016,033	201,422,269	220,103,225	418,732	731,781	51,215,256	46,405,493	39,564,331	34,107,863	4,375,789	3,993,958
	273,100,090	245,455,615	1,009,757,210	980,393,820	13,430,752	13,868,344	201,186,200	184,147,678	192,596,355	168,165,685	31,427,626	31,312,144
Unit-unit dalam edaran	274,408,359	260,105,414	1,069,404,003	1,015,802,485	24,063,450	24,272,854	106,481,734	99,562,107	142,162,070	127,384,340	25,390,942	25,745,496
<b>NILAI ASET BERSIH DIANGGAP MILIK PEMEGANG SIJIL SEUNIT</b>	<b>0.9952</b>	<b>0.9437</b>	<b>0.9442</b>	<b>0.9651</b>	<b>0.5581</b>	<b>0.5714</b>	<b>1.8894</b>	<b>1.8496</b>	<b>1.3548</b>	<b>1.3201</b>	<b>1.2377</b>	<b>1.2162</b>

# PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2025

	A-Dana Income		A-Dana Equity		A-DALI Equity		A-Dana Balanced		A-Dana Strategic Equity		A-Dana Strategic Dynamic	
	31.12.2025 RM	31.12.2024 RM	31.12.2025 RM	31.12.2024 RM	31.12.2025 RM	31.12.2024 RM	31.12.2025 RM	31.12.2024 RM	31.12.2025 RM	31.12.2024 RM	31.12.2025 RM	31.12.2024 RM
Pendapatan pelaburan												
- Keuntungan daripada deposit dengan institusi kewangan Islam	263,702	253,915	2,045,061	999,042	929	1,840	114,112	72,319	189,907	372,752	15,963	47,012
- Pendapatan keuntungan daripada sukuk korporat tidak tercatat	10,359,721	9,492,427	-	-	-	-	2,016,115	1,759,388	-	-	-	-
- Pendapatan dividen	768,225	594,163	24,223,486	25,395,314	-	-	3,561,949	3,448,294	-	-	-	-
Keuntungan atas pelupusan pelaburan kewangan	3,654,555	3,310,360	-	39,216,925	-	83,347	7,258,999	7,854,602	-	-	283,113	-
Keuntungan belum direalisasi atas pelaburan kewangan	1,112,155	-	-	128,599,261	-	2,427,230	-	21,406,483	7,322,153	27,180,679	462,216	2,277,580
Lain-lain pendapatan	-	126,405	2,845,986	-	4,287	-	450,560	-	12,671	-	-	25,956
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>	<b>16,158,358</b>	<b>13,777,270</b>	<b>29,114,533</b>	<b>194,210,542</b>	<b>5,216</b>	<b>2,512,417</b>	<b>13,401,735</b>	<b>34,541,086</b>	<b>7,524,731</b>	<b>27,553,431</b>	<b>761,292</b>	<b>2,350,548</b>
Kerugian atas pelupusan pelaburan kewangan	-	-	1,237,446	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Kerugian belum direalisasi atas pelaburan kewangan	-	1,580,055	31,892,612	-	296,397	-	5,631,996	-	-	-	-	-
Perbelanjaan pelaburan	121,887	106,913	480,800	439,028	13,178	13,457	111,469	94,545	71,712	59,387	24,052	23,748
Yuran pengurusan perbelanjaan	1,289,297	1,148,669	14,179,133	13,437,125	3,049	4,805	2,146,533	1,975,453	986,030	1,001,398	283,998	296,715
Lain-lain perbelanjaan	5,499	5,501	5,498	5,500	5,641	5,689	5,505	5,498	347,893	136,354	18,634	7,244
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<b>1,416,683</b>	<b>2,841,138</b>	<b>47,795,489</b>	<b>13,881,653</b>	<b>318,265</b>	<b>23,951</b>	<b>7,895,503</b>	<b>2,075,496</b>	<b>1,405,635</b>	<b>1,197,139</b>	<b>326,684</b>	<b>327,707</b>
<b>Lebih pendapatan atas perbelanjaan sebelum cukai</b>	<b>14,741,675</b>	<b>10,936,132</b>	<b>(18,680,956)</b>	<b>180,328,889</b>	<b>(313,049)</b>	<b>2,488,466</b>	<b>5,506,232</b>	<b>32,465,590</b>	<b>6,119,096</b>	<b>26,356,292</b>	<b>434,608</b>	<b>2,022,841</b>

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2025**

(SAMBUNGAN)

	A-Dana Income		A-Dana Equity		A-DALI Equity		A-Dana Balanced		A-Dana Strategic Equity		A-Dana Strategic Dynamic	
	31.12.2025 RM	31.12.2024 RM	31.12.2025 RM	31.12.2024 RM	31.12.2025 RM	31.12.2024 RM	31.12.2025 RM	31.12.2024 RM	31.12.2025 RM	31.12.2024 RM	31.12.2025 RM	31.12.2024 RM
Lebih pendapatan atas perbelanjaan sebelum cukai	14,741,675	10,936,132	(18,680,956)	180,328,889	(313,049)	2,488,466	5,506,232	32,465,590	6,119,096	26,356,292	434,608	2,022,841
Cukai	(1,259,200)	(1,068,724)	-	(13,271,590)	-	(12,581)	(696,468)	(2,452,542)	(662,628)	(1,252,281)	(52,776)	(182,206)
Lebih pendapatan atas perbelanjaan selepas cukai	13,482,475	9,867,408	(18,680,956)	167,057,299	(313,049)	2,475,885	4,809,764	30,013,048	5,456,468	25,104,011	381,832	1,840,635
<b>Pendapatan/(kerugian) tidak diedarkan dibawa ke hadapan</b>	43,016,033	33,148,625	220,103,225	53,045,926	731,781	(1,744,104)	46,405,493	16,392,445	34,107,863	9,003,852	3,993,958	2,153,323
<b>Pendapatan/(kerugian) tidak diedarkan dibawa ke hadapan</b>	56,498,508	43,016,033	201,422,269	220,103,225	418,732	731,781	51,215,257	46,405,493	39,564,331	34,107,863	4,375,790	3,993,958

# PENYATA PERUBAHAN DALAM NILAI BERSIH ASET DIANGGAP MILIK PEMEGANG SIJIL BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2025

	A-Dana Income		A-Dana Equity		A-DALI Equity		A-Dana Balanced		A-Dana Strategic Equity		A-Dana Strategic Dynamic	
	31.12.2025 RM	31.12.2024 RM	31.12.2025 RM	31.12.2024 RM	31.12.2025 RM	31.12.2024 RM	31.12.2025 RM	31.12.2024 RM	31.12.2025 RM	31.12.2024 RM	31.12.2025 RM	31.12.2024 RM
Nilai bersih aset dianggap milik pemegang sijil pada permulaan tahun kewangan	245,455,615	209,210,473	980,393,820	772,224,776	13,868,344	12,475,471	184,147,678	142,055,831	168,165,685	125,559,050	31,312,144	23,848,224
Jumlah diterima daripada pemegang sijil bagi pembentukan bersih unit	55,359,917	61,022,892	135,650,612	129,059,131	1,084,541	1,519,151	31,552,325	29,210,004	57,505,244	55,929,775	9,172,354	11,202,043
Jumlah dibayar kepada pemegang sijil bagi pembatalan bersih unit-unit	(41,197,918)	(34,645,158)	(87,606,266)	(87,947,386)	(1,209,084)	(2,602,163)	(19,323,567)	(17,131,205)	(38,531,042)	(38,427,151)	(9,438,704)	(5,578,758)
	259,617,614	235,588,207	1,028,438,166	813,336,521	13,743,801	11,392,459	196,376,436	154,134,630	187,139,887	143,061,674	31,045,794	29,471,509
Lebih pendapatan atas perbelanjaan selepas cukai - (Keuntungan)/kerugian bersih tidak direalisasikan atas pelaburan selepas cukai	13,482,476	9,867,408	(18,680,956)	167,057,299	(313,049)	2,475,885	4,809,764	30,013,048	5,456,468	25,104,011	381,832	1,840,635
- Keuntungan/(kerugian) bersih lain selepas cukai	1,023,183	(1,453,651)	(29,341,203)	118,311,320	(272,685)	2,233,052	(5,181,436)	19,693,964	6,736,381	25,006,225	425,239	2,095,374
	12,459,293	11,321,059	10,660,247	48,745,979	(40,364)	242,833	9,991,200	10,319,084	(1,279,913)	97,786	(43,407)	(254,739)
<b>Nilai bersih aset dianggap milik pemegang sijil pada akhir tahun kewangan</b>	<b>273,100,090</b>	<b>245,455,615</b>	<b>1,009,757,210</b>	<b>980,393,820</b>	<b>13,430,752</b>	<b>13,868,344</b>	<b>201,186,200</b>	<b>184,147,678</b>	<b>192,596,355</b>	<b>168,165,685</b>	<b>31,427,626</b>	<b>31,312,144</b>

# NOTA-NOTA

## NOTA-NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN - BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

### 1. PENGURUS DAN AKTIVITI UTAMA

Dana-dana berkaitan pelaburan AIA PUBLIC Takaful Bhd. ("Pengurus") mengandungi A-Dana Pendapatan, Ekuiti A-Dana, Ekuiti A-DALI, A-Dana Balanced, Ekuiti Strategik A-Dana dan A-Dana Strategic Dynamic (di sini dirujuk secara bersama sebagai "Dana").

Dana A-Dana Income bertujuan untuk menyediakan aliran pendapatan yang selamat dan stabil melalui pelaburan dalam sekuriti pendapatan Islam (Sukuk), instrumen pasaran wang Islam dan Amanah Pelaburan Harta Tanah ("REITs") yang patuh Syariah dan tersenarai di Bursa Malaysia. Matlamat kedua Dana ini adalah untuk meningkatkan peningkatan modal jangka sederhana hingga panjang sambil mengekalkan modal pelaburan. Dana ini telah ditubuhkan pada Mac 2011.

Dana A-Dana Equity mensasarkan untuk menyediakan pertumbuhan jangka sederhana hingga panjang dengan melabur di dalam ekuiti patuh Syariah, Amanah Pelaburan Harta Tanah ("REITs") dan sekuriti berkaitan ekuiti yang tersenarai di Bursa Malaysia. Dana ini telah ditubuhkan pada Mac 2011.

Dana A-DALI Equity mensasarkan untuk mencapai pertumbuhan modal yang konsisten untuk jangka sederhana hingga panjang menerusi pelaburan di dalam ekuiti Lulus Syariah. Dana telah ditubuhkan pada Februari 2013.

Dana A-Dana Balanced bertujuan untuk memaksimumkan jumlah pulangan dengan memberikan perlindungan modal yang munasabah dan sesuai untuk pemilik sijil yang sanggup mengambil risiko sederhana untuk mendapatkan pulangan yang berpatutan. Dana telah ditubuhkan pada Ogos 2011.

Dana A-Dana Strategic Equity bertujuan mencapai pertumbuhan modal yang konsisten untuk jangka sederhana hingga panjang menerusi pelaburan di dalam sekuriti patuh Syariah yang pelbagai dan disenaraikan di bursa tempatan dan asing. Dana ini sesuai untuk pemilik sijil yang sanggup mengambil risiko yang lebih tinggi bagi mendapatkan potensi pulangan yang tinggi dengan mempelbagaikan pelaburan di dalam ekuiti patuh Syariah asing. Dana telah ditubuhkan pada Mei 2021.

Dana A-Dana Strategic Dynamic bertujuan mencapai pulangan jangka panjang (gabungan pertumbuhan modal dan pendapatan) menerusi portfolio pelaburan patuh syariah merentasi pasaran global dan kelas-kelas aset. Dana mengguna pakai peruntukan aset yang dinamik dan fleksibel bagi mengurangkan risiko. Dana telah ditubuhkan pada Jun 2022.

Pengurus adalah sebuah syarikat yang telah diperbadankan di Malaysia dan terlibat terutamanya dalam pengunderaitan perniagaan Takaful Keluarga dan perniagaan berkaitan pelaburan.

Segala aktiviti Dana haruslah dilaksanakan secara tegas selaras dengan keperluan prinsip-prinsip Syariah dan akan dipantau oleh Jawatankuasa Syariah Pengurus.

# NOTA-NOTA (SAMBUNGAN)

## NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN - BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025 (SAMBUNGAN)

### 2. ASAS PENYEDIAAN

Maklumat kewangan Dana telah disediakan selaras dengan dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan di dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Polisi Dokumen Mengenai Perniagaan Berkaitan-Pelaburan yang diterbitkan oleh BNM.

Maklumat kewangan telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah kecuali seperti yang dinyatakan dalam ringkasan dasar perakaunan material dalam Nota 3 maklumat kewangan.

### 3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN MATERIAL

Dasar perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten ketika menguruskan butiran yang dianggap penting berkaitan dengan maklumat kewangan.

#### (a) Aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi ("FVTPL")

Dana ditetapkan semasa pengiktirafan awal pada nilai saksama menerusi untung atau rugi ("FVTPL") pada permulaan memandangkan ianya diuruskan dan dinilai atas dasar nilai saksama, selaras dengan mandat dan strategi pelaburan masing-masing.

Aset kewangan pada FVTPL pada awalnya direkodkan pada nilai saksama. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan pada FVTPL diukur semula pada nilai saksama. Pelarasan nilai saksama serta keuntungan dan kerugian direalisasi yang tidak diiktiraf telah diiktiraf semula di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

#### (b) Nilai saksama aset kewangan

Nilai saksama sukuk korporat tidak tercatat dan pasaran kewangan Islam berdasarkan petunjuk harga saksama pasaran/indeks merujuk kepada sebut harga yang disediakan oleh institusi kewangan dan broker.

Nilai saksama sekuriti tercatat berdasarkan harga pasaran semasa. Jika pasaran bagi aset kewangan tidak aktif, Dana mewujudkan nilai saksama menggunakan teknik penilaian. Ini termasuklah menggunakan transaksi saksama ("arm's length"), merujuk kepada instrumen lain yang sebahagian besarnya adalah sama, analisis aliran tunai terdiskaun dan model harga opsyen.

Tunai dan setara tunai dengan institusi kewangan berlesen dinyatakan pada anggaran jumlah yang dibawa sepertimana pada tarikh penyata aset dan liabiliti.

#### (c) Tunai dan Setara Tunai

Tunai dan setara tunai merangkumi tunai di tangan, deposit dengan institusi kewangan dengan tempoh matang asal selama tiga bulan atau kurang. Ia tidak termasuk deposit yang dipegang bagi tujuan pelaburan.

# NOTA-NOTA (SAMBUNGAN)

## NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN - BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025 (SAMBUNGAN)

### 3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

#### (d) Liabiliti Kewangan

Semua liabiliti kewangan pada awalnya direkodkan pada nilai saksama. Bagi pengiktirafan awal berikutnya, liabiliti kewangan dibawa pada kos pelunasan menggunakan kaedah kadar untung berkesan.

#### (e) Yuran pengurusan

Yuran pengurusan dikira secara harian berdasarkan Nilai Bersih Aset (NAV) Dana.

A-DALI Equity	1.500% setahun
A-Dana Equity	1.500% setahun
A-Dana Income	0.500% setahun
A-Dana Balanced	1.200% setahun
A-Dana Strategic Equity	1.500% setahun
A-Dana Strategic Dynamic	1.500% setahun

#### (f) Lain-lain perbelanjaan

Lain-lain perbelanjaan merangkumi yuran juruaudit dan caj-caj bank dan iktiraf apabila tertanggung.

#### (g) Pembentukan bersih unit

Pembentukan bersih unit mewakili sumbangan Takaful yang dibayar oleh pemegang sijil sebagai bayaran untuk kontrak baru atau bayaran seterusnya untuk meningkatkan nilai kontrak ditolak pertukaran antara Dana. Pembentukan bersih unit diiktiraf atas dasar penerimaan.

#### (h) Pembatalan bersih unit

Pembatalan bersih unit mewakili pembatalan unit-unit daripada serahan balik dan pengeluaran oleh pemegang sijil. Pembatalan bersih unit diiktiraf apabila kontrak Takaful berkaitan diserahkan.

# NOTA-NOTA (SAMBUNGAN)

## NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN - BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025 (SAMBUNGAN)

### 3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

#### (i) Cukai

Cukai pendapatan ke atas penyata pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun kewangan mengandungi cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa ialah jumlah cukai pendapatan yang dijangka akan dibayar ke atas pendapatan boleh cukai atau lebihan untuk tahun tersebut dan dikira pada kadar cukai yang digubal pada tarikh penyata aset dan liabiliti.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti, untuk perbezaan sementara pada tarikh penyata aset dan liabiliti antara asas cukai aset dan liabiliti dan jumlah dibawa dalam maklumat kewangan. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk ke semua perbezaan sementara yang boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf untuk ke semua perbezaan sementara yang boleh ditolak, ke suatu tahap di mana kemungkinan untung boleh dicukai akan tersedia di mana perbezaan sementara boleh ditolak boleh digunakan.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka berkuatkuasa dalam tempoh di mana aset direalisasi atau liabiliti dijelaskan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh penyata aset dan liabiliti. Cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Cukai tertunda bagi dana berkaitan pelaburan yang memegang pelaburan dalam Dana telah diselaraskan dengan menghapuskan keuntungan atau kerugian yang tidak direalisasi daripada pelaburan tersebut.

#### (j) Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan dividen dari instrumen ekuiti ditetapkan pada FVTPL diiktiraf sebagai pendapatan pelaburan di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan, umumnya apabila sekuriti menjadi tanpa-dividen atau hak untuk menerima bayaran diwujudkan.

Pendapatan keuntungan diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan menggunakan kaedah kadar keuntungan efektif.

### 4. PELABURAN

Butir-butir pelaburan Dana dinyatakan pada mukasurat 30 hingga 37 laporan prestasi dana.

### 5. PENGAGIHAN KEUNTUNGAN

Tidak terdapat sebarang pengagihan keuntungan oleh Dana sepanjang tempoh kewangan.

# CEO'S MESSAGE (CONTINUED)

Dear Valued Certificate Holders,

